

TOPIK 1 : KATA GANTI NAMA DIRI

1. Maksud :
Kata yang digunakan untuk menggantikan nama orang.
2. Jenis: Terbahagi kepada 3 jenis:
 - a. Kata Ganti Nama Diri Pertama (penutur).
 - b. Kata Ganti Nama Diri Kedua (pendengar)
 - c. Kata Ganti Nama Diri Ketiga (pihak / orang yang diceritakan halnya)
3. Bilangan penutur / pendengar:
 - a. Tunggal (seorang)
 - b. Jamak (lebih daripada seorang)
4. Golongan pengguna:
 - a. Masyarakat Moden
 - b. Masyarakat Melayu Lama (klasik)
 - c. Masyarakat Istana / Bangsawan
5. Contoh Kata Ganti Nama Diri
 - a. Kata Ganti Nama Diri Pertama – menggantikan nama diri orang yang bertutur.

Kata Ganti Diri Pertama	Penggunaannya
aku (tunggal)	Digunakan apabila bercakap dengan kawan biasa atau dengan Tuhan (keakraban)
saya (tunggal)	Digunakan apabila bercakap dengan seseorang yang baru dikenali atau dalam suasana rasmi.
hamba (tunggal)	Digunakan untuk membahaskan diri sendiri pada zaman dahulu.
patik (tunggal)	Digunakan oleh rakyat apabila bercakap dengan raja atau sultan.
beta (tunggal)	Digunakan oleh raja atau sultan apabila bertitah kepada rakyat.
kami (tunggal)	Digunakan pada diri orang yang berkata serta temannya apabila bercakap dengan orang kedua.
kita (tunggal)	Digunakan pada diri sendiri dengan menyertakan diri orang kedua.

- b. Kata Ganti Nama Diri Kedua – menggantikan nama diri orang yang diajak bertutur.

Kata Ganti Diri Kedua	Penggunaannya
anda (tunggal dan jamak))	Digunakan untuk diri orang kedua apabila berhadapan dengan kita.
awak (tunggal)	Digunakan untuk diri orang kedua yang rapat hubungannya dengan kita.
engkau (tunggal)	Digunakan untuk diri orang kedua yang rapat hubungannya dengan kita dan dengan Tuhan juga (Engkau)
Tuan hamba (tunggal)	Digunakan untuk diri orang kedua pada zaman dahulu (jika kata ganti diri pertama digunakan 'hamba' mesti diikuti 'tuan hamba' sebagai kata ganti diri kedua)
tuanku (tunggal)	Digunakan apabila bercakap dengan raja atau sultan.
kalian (tunggal)	Digunakan untuk beberapa orang yang diajak bercakap.
kamu (tunggal dan jamak)	Digunakan untuk diri orang kedua yang rapat hubungannya dengan kita.

- c. Kata Ganti Nama Diri Ketiga – menggantikan nama diri orang yang diceritakan halnya (orang yang diceritakan halnya tidak hadir)

Kata Ganti Diri Ketiga	Penggunaannya
baginda (tunggal)	Digunakan untuk putera-puteri raja, raja atau sultan.
beliau (tunggal)	Digunakan untuk orang yang kita hormati, misalnya ibu bapa, guru dan pemimpin.
Dia dan ia (tunggal)	Digunakan untuk orang yang umum seperti orang biasa dan rakan.
mereka (tunggal)	Digunakan untuk orang yang bilangannya lebih daripada seorang.

6. Bentuk kesilapan:

SALAH	BETUL
" Kami tidak harus mengalah sebelum perlawanan bermula," kata Murthi kepada Azrul.	" Kita tidak harus mengalah sebelum perlawanan bermula," kata Muthi kepada Azrul.
Kereta itu sungguh mahal kerana ianya diimport dari Jepun.	Kereta itu sungguh mahal kerana diimport dari Jepun.
Beliau diberkas kerana terlibat dalam kes penipuan.	Dia diberkas kerana terlibat dalam kes penipuan.
" Hamba mohon maaf atas kesalahan hamba ," kata Paduka Ali kepada Sultan Mansor Syah.	" Patik mohon maaf atas kesalahan patik ," kata Paduka Ali kepada Sultan Mansor Syah.
Kakitangan syarikat ini sedia menolong engkau .	Kakitangan syarikat ini sedia menolong anda .
Saya ingin berjumpa dengan ia .	Saya ingin berjumpa dengannya.
Mereka-mereka sedang bermain bola di padang.	Mereka sedang bermain bola di padang.

7. Ringkasan:

Kata Ganti Nama Diri	Tunggal	Bilangan Banyak / Jamak
Diri Pertama (penutur)	aku saya patik hamba	kami kita
Diri Kedua (pendengar)	awak kamu engkau encik cik saudara saudari tuan puan anda tuanku tuan hamba	awak semua kamu semua saudara sekalian saudari sekalian encik-encik cik-cik tuan-tuan puan-puan anda semua kalian
Diri Ketiga (orang yang diceritakan halnya)	Dia Ia Beliau Baginda	mereka

TOPIK 2: KATA GANTI NAMA DIRI SINGKAT

1. Maksud:
Kata ganti nama diri yang telah disingkatkan.

2. Contoh:

Kata Ganti Diri Pertama	Penerangan	Ayat Contoh
Kau	Asal daripada kata 'engkau'. Digunakan pada awal kata yang dirapatkan dengan kata yang menyertainya.	1. "Surat ini hendaklah kaubaca ," pinta Encik Hazim. 2. Lukisan yang kaulukis sangat cantik sekali.
Ku	Asal daripada kata 'aku'. Digunakan pada awal atau akhir kata yang ditulis rapat.	1. Kata Dina, "Lagu ini kutujukan untuk Shida yang berada di Johor." 2. "Aduh, sakitnya kakiku!" kata Dol.
Mu	Asal daripada kata 'kamu'. Digunakan pada akhir kata sahaja.	1. Hasratmu akan aku tunaikan. 2. "Adik mu pandai menyanyi," kata Zuraini kepada Syafiqah.
Nya	Asal daripada kata ganti nama diri ketiga (dia). Digunakan pada akhir kata sahaja.	1. Kakak nya menuntut di luar negara. 2. Setiap kesalahan akan menerima balasan daripada- Nya .

3. Bentuk kesilapan
a. Tidak ditulis rapat kata ganti nama diri singkatan dengan kata yang menyertainya.

SALAH	BETUL
"Warna apa yang kau minati?" tanya Azim kepada Syafiq.	"Warna apa yang kauminati ?" tanya Azim kepada Syafiq.
"Kawan ku ini berasal dari Sabah," kata Arif kepada Sayuti.	"Kawanku ini berasal dari Sabah," kata Arif kepada Sayuti.

- b. Tidak boleh menggunakan kata singkatan sebagai subjek ayat.

SALAH	BETUL
" Mu berdua tidak bekerja hari ini?" tanya Enzik Azwan.	"Kamu berdua tidak bekerja hari ini?" tanya Enzik Azwan.
" Kau belum mandi lagi, Man?" tanya ibu kepada Rosman.	"Engkau belum mandi lagi, Man?" tanya ibu kepada Rosman.

- c. Tidak menggunakan tanda sempang dan huruf besar bagi kata singkatan berkaitan dengan Tuhan.

SALAH	BETUL
Ya Allah, aku memohon keampunan mu .	Ya Allah, aku memohon keampunan- Mu .
Tuhan akan sentiasa mengampunkan dosa hambanya.	Tuhan akan sentiasa mengampunkan dosa hamba- Nya .

TOPIK 3 : KATA BILANGAN

1. Maksud:
Kata bilangan ialah kata yang digunakan untuk menghitung sesuatu frasa nama : orang, binatang, benda atau perkara.
2. Contoh Kata bilangan

Jenis Kata Bilangan	Contohnya
Kata bilangan tentu 1. Menunjukkan bilangan yang tertentu. 2. Boleh diikuti oleh penjodoh bilangan	Satu, dua, tiga, dan seterusnya Contoh ayat: Dua ekor kambing.
Kata bilangan tak tentu. (Menunjukkan bilangan yang tidak tentu)	Beberapa, segala, seluruh, sekalian, setengah-setengah, dan sebagainya. Contoh ayat: Segala maklumat akan dikumpulkan.
Kata bilangan pecahan. (Menunjukkan bilangan berbentuk pecahan)	Suku, setengah, separuh, tiga suku, dan sebagainya. Contoh ayat: Hanya sepertiga ibu bapa murid tahun enam yang hadir ke majlis itu.
Kata bilangan pisahan. (Menunjukkan bilangan yang berpisah)	Setiap, tiap-tiap. Contoh ayat: Setiap orang dikehendaki membayar yuran sekolah dengan segera.
Kata bilangan himpunan. (Menunjukkan sesuatu bilangan secara himpunan)	Kedua-dua, ketiga-tiga, berpuluh-puluh, berminggu-minggu, berbulan-bulan, dan sebagainya. Contoh ayat: Kebun Pak Abu menghasilkan berpuluh-puluh bakul durian setiap tahun.
Kata bilangan tingkat. (Menunjukkan giliran atau urutan dalam sesuatu jumlah)	Pertama, kedua, ketiga, dan seterusnya. Contoh ayat: Abu mendapat tempat ketiga sahaja dalam peraduan lukisan.

3. Kesilapan kata bilangan:
 - a. Tidak meletakkan penjodoh bilangan pada kata nama konkrit yang dibilang menggunakan kata bilangan tentu.

SALAH	BETUL
Tiga motosikal itu berjenama Honda.	Tiga buah motosikal itu berjenama Honda.
Dua ribu telur ayam telah direbus untuk majlis kenduri.	Dua ribu biji telur ayam telah direbus untuk majlis kenduri.
Seratus calon telah menghadiri seminar UPSR.	Seratus orang calon telah menghadiri seminar UPSR.

- b. Menggandakan kata nama konkrit yang dibilang dengan kata bilangan tentu yang membawa maksud jamak (banyak).

SALAH	BETUL
Tiga puluh meja-meja di dalam bilik darjah kami telah rosak.	Tiga puluh meja di dalam bilik darjah kami telah rosak.
Empat pekerja-pekerja kilang terbunuh dalam kemalangan jalan raya.	Empat pekerja kilang terbunuh dalam kemalangan jalan raya.
Lapan ratus pelancong-pelancong asing diraikan dalam majlis yang gilang-gemilang.	Lapan ratus pelancong asing diraikan dalam majlis yang gilang-gemilang.

c. Menggunakan penjodoh bilangan bagi kata nama konkrit yang dibilang dengan kata bilangan tak tentu kecuali kata bilangan tak serupa – beberapa.

SALAH	BETUL
Amran membeli beberapa buku cerita .	Amran membeli beberapa buah buku cerita . (Tatabahasa Dewan m.s 197)
Para orang peniaga di pasar malam diseru agar mengutamakan kebersihan.	Para peniaga di pasar malam diseru agar mengutamakan kebersihan.
Sesetengah buah bas persiaran beroperasi secara haram.	Sesetengah bas persiaran beroperasi secara haram.

d. Menggandakan kata nama konkrit yang dibilang dengan kata bilangan tak tentu.

SALAH	BETUL
Kebanyakan guru-guru hadir dalam mesyuarat kurikulum sekolah.	Kebanyakan guru hadir dalam mesyuarat kurikulum sekolah.
Semua surat-surat telah dihantar kepada para tetamu.	Semua surat telah dihantar kepada para tetamu.
Sebahagian daripada pekerja-pekerja warga asing masuk ke negara ini secara haram.	Sebahagian daripada pekerja warga asing masuk ke negara ini secara haram.

e. Menggunakan kata singkatan kata bilangan himpunan dalam ayat.

SALAH	BETUL
Kedua buah pulau di negara ini mempunyai batu karang yang paling cantik di dunia.	Kedua-dua buah pulau di negara ini mempunyai batu karang yang paling cantik di dunia.
Antara kedua tugas , yang manakah lebih mudah?	Antara kedua-dua tugas , yang manakah lebih mudah?
Berbagai isu-isu dibincangkan dalam mesyuarat Persatuan Ibu dan Bapa.	Berbagai-bagai isu dibincangkan dalam mesyuarat Persatuan Ibu dan Bapa.

f. Tidak meletakkan penjodoh bilangan pada kata nama konkrit yang dibilang dengan kata bilangan himpunan.

SALAH	BETUL
Ketiga-tiga anak Pak Halim menuntut di luar negara.	Ketiga-tiga orang anak Pak Halim menuntut di luar negara.
Beratus-ratus sate dihidangkan untuk pelancong dari Jepun.	Beratus-ratus cucuk sate dihidangkan untuk pelancong dari Jepun.
Beribu-ribu cakera padat tiruan dirampas dalam operasi pihak berkuasa.	Beribu-ribu keping cakera padat tiruan dirampas dalam operasi pihak berkuasa.

g. Penggunaan kata bilangan tak tentu yang sudah membawa maksud jamak.

SALAH	BETUL
Para-para petugas di pameran buku sedia memberikan bantuan kepada pengunjung.	Para-para petugas di pameran buku sedia memberikan bantuan kepada pengunjung.

*Para tidak seharusnya digunakan untuk merujuk kepada golongan yang tidak dihormati seperti penjahat, penganas, pengemis, penagih dan penipu.

h. Tidak menggunakan kata bilangan himpunan yang betul.

SALAH	BETUL
-------	-------

Berbagai acara diadakan dalam karnival jualan murah.	Berbagai-bagai acara diadakan dalam karnival jualan murah.
Tiap pelanggan yang berkunjung ke restoran itu pasti berpuas hati dengan layanan mesra pekerjaanya.	Tiap-tiap pelanggan yang berkunjung ke restoran itu pasti berpuas hati dengan layanan mesra pekerjaanya.

- i. Penjodoh bilangan tidak perlu digunakan untuk menghitung sesuatu kata nama ukuran, kata nama waktu dan kata nama abstrak yang tertentu.
Peringatan: Kata nama konkrit yang membawa maksud orang seperti mayat tidak perlu didahului oleh penjodoh bilangan.

SALAH	BETUL
Peserta pertandingan pidato diberi masa lima buah minit sahaja.	Peserta pertandingan pidato diberi masa lima minit sahaja.
Beberapa buah bahagian rumah pangsa itu telah retak.	Beberapa bahagian rumah pangsa itu telah retak.
Tiga orang mayat mangsa lemas dijumpai terdampar di pantai.	Tiga mayat mangsa lemas dijumpai terdampar di pantai.

- j. Kata bilangan tentu tidak boleh didekatkan dengan kata bilangan.

SALAH	BETUL
Harga daging itu lapan setengah ringgit sahaja.	Harga daging itu lapan ringgit setengah sahaja.
Saya menunggu awak sudah dua setengah jam .	Saya menunggu awak sudah dua jam setengah .

TOPIK 4 : KATA PENGUAT

1. Maksud

Kata penguat ialah perkataan yang mendahului atau mengikuti kata adjektif dan berfungsi untuk menguatkan maksud yang terkandung dalam kata adjektif.

2. Jenis: Terdapat 3 jenis kata penguat:

KATA PENGUAT	CONTOH
a. penguat hadapan	terlalu, paling, agak
b. penguat belakang	sekali, benar, nian
c. penguat bebas	amat, sangat, sungguh

3. Contoh:

a. Digunakan di hadapan kata adjektif.

KATA PENGUAT HADAPAN	CONTOH
Terlalu	Baju di pasar raya itu terlalu mahal.
Paling	Sambal tumis itu paling sedap.
Agak	Jalan di kawasan itu agak bahaya.

b. Digunakan di belakang kata adjektif

KATA PENGUAT BELAKANG	CONTOH
Sekali	Pendapat murid itu baik sekali .
Nian	Nyaman nian udara di puncak pusat peranginan tanah tinggi.
Benar	Cantik benar rantai mutiara ini.

c. Digunakan secara bebas sama ada di hadapan atau di belakang kata adjektif.

KATA PENGUAT BEBAS	CONTOH
Amat	1. Kraf tangan itu amat cantik. 2. Kraf tangan itu cantik amat .
Sangat	1. Beg pakaian yang dibawa oleh Suria sangat berat. 2. Beg pakaian yang dibawa oleh Suria berat sangat .
Sungguh	1. Kereta yang dipandu oleh Jazeman sungguh laju. 2. Kereta yang dipandu oleh Jazeman laju sungguh .

- d. Terdapat juga unsur penguat yang boleh hadir berderetan sebelum kata adjektif. Contohnya, *sungguh amat merdu*, *sungguh kurang sopan*, dan *terlalu amat pedih*. (Tatabahasa Dewan m.s 390)

Contoh:

- a. Suaranya ***sungguh amat*** merdu.
- b. Perangainya ***sungguh kurang*** sopan.
- c. Kata-katanya ***terlalu amat*** pedih.

TOPIK 5 : KATA BANTU

Kata bantu ialah jenis perkataan yang bertugas membantu frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama. Kata bantu menimbulkan makna tambahan dari segi aspek waktu atau ragam dalam binaan ayat. Kata bantu dapat dikategorikan kepada dua kumpulan iaitu kata bantu aspek dan kata bantu ragam.

- (i) **Kata bantu aspek** menimbulkan **suasana perbezaan masa** iaitu sama ada masa lampau, masa ini (kini) atau masa hadapan. Bentuk-bentuk kata bantu aspek yang dominan dalam kalangan penutur jati bahasa Melayu ialah **telah, sudah, baru, pernah, sedang, masih, akan, mula dan belum**.

Kata Bantu Aspek		
Masa lampau	Masa ini (kini)	Masa hadapan
telah sudah pernah selalu	sedang tengah masih	Akan belum

Contoh ayat:

Masa lampau

1. Pekerja industri itu *telah* pulang ke rumah.
2. Murid-murid itu *sudah* bersarapan.
3. Kami *pernah* melawat ke Sabah.
4. Aminah *selalu* teringat akan gurunya yang sudah bersara itu.

Masa ini (Kini)

5. Ah Meng *sedang* membaca komik.
6. Mutusamy *tengah* menyiapkan kerja khususnya.
7. Puan Siti *masih* memasak di dapur.

Masa Hadapan

8. Johari *akan* ke Kuala Lumpur esok.
9. Baju itu *belum* berbasuh lagi.

Kata bantu aspek tertentu **boleh hadir bersama-sama** tanpa menjejaskan makna dalam binaan kata kerja. Sila lihat ayat contoh yang berikut ini.

10. belum + pernah
Muhammad Hanif *belum pernah* melawat ke Kuala Lumpur.
11. masih + belum
Harizah *masih belum* menjamah kuetiau tersebut.

Walau bagaimanapun, ada sesetengah kata bantu aspek tidak boleh hadir bersama-sama atau berderetan, malah binaan ayat yang terhasil juga tidak gramatis. Sila lihat ayat contoh yang berikut:

12. Gadis itu akan belum berumah tangga lagi. (X)
13. Banyak orang akan sedang mengikuti ulasan langsung pertandingan bola sepak itu. (X)
14. Melissa belum akan menyiapkan tugas sekolahnya. (X)

Ayat (12 hingga 14) di atas menyalahi rumus tatabahasa Melayu. Oleh itu, pengguna bahasa Melayu baku perlu berhati-hati dalam hal ini.

- (ii) Kata bantu ragam berperanan untuk menyatakan atau menerangkan ragam atau suasana perasaan yang berhubung dengan perbuatan yang dilakukan. Bentuk kata bantu ragam yang lazim diungkapkan dalam kalangan pengguna bahasa Melayu baku ialah ***hendak, mahu, harus, mesti, boleh, dapat, perlu, wajib, enggan dan patut***.

Kata Bantu Ragam			
Mesti melakukan (sesuatu perbuatan)	Hendak melakukan (sesuatu perbuatan)	Berkeupayaan melakukan (sesuatu perbuatan)	Pengizinan melakukan (sesuatu perbuatan)
Harus	hendak	dapat	boleh
Mesti			
Perlu	mahu		
Wajib			

Kata Bantu Ragam	
Tidak mahu melakukan (sesuatu perbuatan)	Mahu atau tidak mahu melakukan (sesuatu perkara)
Enggan	mungkin

Berdasarkan jadual di atas, yang berikut ini ialah ayat contoh bagi meningkatkan kefahaman pembaca tentang kata bantu ragam:

Mesti melakukan (sesuatu perbuatan)

15. Semua murid *harus* cepat ke kelas supaya tidak dikenakan tindakan disiplin.
16. Bil elektrik bulan lepas *mesti* dijelaskan pada hari ini juga.
17. Kita *perlu* berhemah semasa berurusan dengan sesiapa sahaja.
18. Umat Islam *wajib* berpuasa pada bulan Ramadan kecuali mereka yang tidak berupaya.

Hendak melakukan (sesuatu perbuatan)

19. Ibu *hendak* ke pasar Chowrasta.
20. Banyak orang kini *mahu* memegang jawatan tinggi.

Berkeupayaan melakukan (sesuatu perbuatan)

21. Mereka *dapat* pulang ke rumah pada cuti hujung minggu ini.
22. Siti Faezah *dapat* melanjutkan pelajarannya ke peringkat sarjana.

Pengizinan melakukan (sesuatu perbuatan)

- 23. Murid-murid *boleh* ke tandas sekiranya mendapat pas keluar daripada guru.
- 24. Mereka *boleh* mengikuti rombongan sekolah ke Johor Bahru kerana mendapat keizinan daripada ibu bapa masing-masing.

Tidak mahu melakukan (sesuatu perbuatan)

- 25. Mereka *enggan* memakai kemeja putih yang jarang itu.
- 26. Ali *enggan* menyertai pasukan Bulan Sabit Merah kerana dia tidak berminat.

Mahu atau tidak mahu melakukan (sesuatu perbuatan)

- 27. Siew Lin *mungkin* tidak akan datang kerana dia kurang sihat.
- 28. Mariamah *mungkin* akan berpindah ke sekolah baharu kerana keluarganya akan berpindah ke daerah lain.

* Rumus tatabahasa Melayu juga membenarkan gandingan berturutan atau berpasangan dalam binaan ayat yang menggunakan kata bantu ragam. Sebagai contoh, sila lihat ayat yang berikut ini.

- 29. harus + mahu
Salmiah *harus mahu* menunaikan rukun Islam yang kelima pada tahun ini.
- 30. harus + dapat
Encik Daud *harus dapat* menjawat Guru Cemerlang kerana mempunyai prestasi yang amat membanggakan sepanjang tiga tahun lalu.
- 31. mesti + mahu
Encik Lim *mesti mahu* menghadiri majlis perjumpaan alumni ke-40 sekolah lamanya kerana ingin menemui rakan-rakan sekolahnya.
- 32. mesti + dapat
Munirah *mesti dapat* mencapai 8A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia kerana dia rajin mengulangkaji pelajarannya.

Seperkara lagi, **ada sesetengah kata bantu ragam yang tidak boleh hadir bersama-sama.**

Sebagai contoh, sila lihat ayat yang berikut:

- 33. Ah Chong *hendak mahu* makan laksa walaupun tidak berselera. (X)
- 34. Mohan *hendak harus* membawa keluarganya ke Bukit Fraser. (X)
- 35. Hashim *hendak mesti* menyiapkan tugas sekolahnya pada hari ini. (X)

Ayat contoh (33 hingga 35) di atas menyalahi rumus tatabahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, pengguna bahasa Melayu baku sentiasa cakna akan hal ini agar dapat menghasilkan ayat yang gramatis.

- Selain itu, kata bantu aspek tertentu **boleh hadir bergandingan dengan kata bantu ragam**, waima secara mendahuluinya atau ,mengikutinya. Sebagai contoh, sila lihat ayat yang berikut ini.

Kata Bantu Aspek + Kata Bantu Ragam

36. Pak Husin *sedang hendak* mengambil wuduk.
37. Razif *belum hendak* pulang ke rumahnya kerana hendak menghabiskan kerjanya.

Kata Bantu Ragam + Kata Bantu Aspek

38. Hamdiah *mesti akan* tiba sebentar lagi.
39. Nasser *harus sudah* makan malam.

Di samping itu, dalam binaan ayat yang merangkumi frasa adjektif, elemen-elemen kata bantu dapat membantu mendukung pelbagai maksud. Sila lihat ayat contoh yang berikut ini.

Kata Bantu + Kata Adjektif

40. Pekebun itu ***masih kuat*** mengerjakan ladangnya.
41. Budak yang diserang leukimia itu ***sudah kurus*** kerana hilang selera makan.

Kata Bantu + Kata Penguat + Kata Adjektif

42. Fizikal kanak-kanak yang berusia lima tahun itu ***masih agak kecil*** berbanding dengan kanak-kanak seusianya.
43. ***Belum terlalu lewat*** untuk mengucapkan Gong Xi Fa Cai kepada kaum Cina pada hari ketiga Tahun baru Cina.

Kata Bantu + Kata Adjektif + Kata Penguat

44. Encik Rahmat memberitahu kawannya bahasa ***masih awal sangat*** untuk meramalkan pasukan bola sepak yang akan menjuarai Piala Malaysia tahun ini.
45. Pesakit barah itu ***sudah baik betul*** setelah doktor menggunakan kaedah baharu untuk mengubatnya.

Kata bantu + Kata Adjektif + Kata Adjektif

46. Walaupun tinggal di Kenya selama 10 tahun, Amira ***masih putih mulus*** dan ceria.
47. Pak Mat dan Mak Minah ***masih riang gembira*** menyambut anak mereka pulang walaupun mereka dalam keadaan uzur.

Dalam **ayat songsang**, unsur kata bantu boleh dikehadapkan bagi tujuan penegasan dalam konstituen predikat. Sila lihat contoh ayat yang berikut ini.

Pendepanan Kata Bantu dengan Kata Kerja

48. a) Para atlet itu / *masih berlatih*.
b) *Masih berlatih* / para atlet itu.
49. a) Pengantin perempuan *belum tiba*.
b) *Belum tiba* pengantin perempuan.

Pendepanan Kata Bantu dengan Kata Adjektif

50. a) Buah itu *belum tentu segar*.
b) *Belum tentu segar* buah itu.
51. a) Masjid Negara *masih utuh lagi*.
b) *Masih utuh lagi* Masjid Negara.

- Unsur kata bantu boleh juga hadir dalam **binaan frasa sendi nama** dan beberapa unsur kata yang lain. Perhatikan ayat contoh yang berikut ini.

Kata Bantu + Kata Sendi Nama + Kata Nama Arah + Frasa Nama + Ayat Komplemen

52. Sharifah *telah ke Singapura untuk menziarahi sepupunya*.
53. Pasukan MERCY akan ke China / *untuk membantu mangsa banjir di sana*.

Kata Bantu + Kata Sendi Nama + Kata Nama Arah + Frasa Nama + Keterangan

54. Orang tua itu *masih di tepi tasik setiap senja*.
55. Abang Nizam *akan ke bawah rumah dengan sepupunya*.

Dalam binaan frasa sendi nama di atas, kehadiran unsur kata sendi nama dan frasa nama adalah wajib manakala kehadiran unsur-unsur kata nama arah, ayat komplemen dan keterangan digunakan secara pilihan (boleh digugurkan jika tidak diperlukan)

- **Binaan frasa kerja yang menggunakan unsur kata bantu** dapat dilihat dalam ayat yang berikut ini.

Kata Bantu + Kata Kerja Transitif + Objek + Keterangan

56. Encik Zul *akan mengusahakan perniagaan peralatan kesihatan di bandar Maran, Pahang*.
57. Puan Asmah *hendak membincangkan permasalahan bahasa rojak dalam Seminar Bahasa Melayu Antarabangsa*.

Kata Bantu + Kata Kerja Tak Transitif + Pelengkap + Keterangan

58. Hasiah *masih tinggal di Muar, Johor dengan Noor Rehan*.
59. Saiful *sedang berwirid di dalam kamar*.

Kata Bantu + Kata Kerja Tak Transitif + Ayat Komplemen + Keterangan

60. Wan Lijah *telah berjaya untuk mendapat markah cemerlang dalam temu duga itu*.
61. Encik Norman *telah berjaya dalam peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan baru-baru ini*.

Kesimpulannya, penggunaan kata bantu aspek dan kata bantu ragam yang menjadi elemen penting bagi frasa kerja dalam binaan ayat bahasa Melayu banyak membantu pengguna bahasa untuk menghasilkan ayat yang gramatis dan bermakna serta jelas penyampaiannya. Pengguna bahasa yang komited dan celik tatabahasa dapat memartabatkan bahasa Melayu dalam aspek morfologi, sintaksis dan leksikon sama ada dalam pertuturan mahupun penulisan.

TOPIK 6 : KATA ADJEKTIF

Kata adjektif ialah kata yang berfungsi untuk menerangkan keadaan atau sifat bagi sesuatu kata nama atau frasa nama.

Kata adjektif boleh dikenal pasti apabila sesuatu kata itu boleh menerima kata penguat. Kata penguat ada tiga jenis, iaitu **kata penguat hadapan** yang hadir sebelum kata adjektif, **kata penguat belakang** yang hadir selepas kata adjektif, dan **penguat bebas** yang hadir *sebelum* atau *selepas kata adjektif*.

Kata Penguat Hadapan	Kata Penguat Belakang	Kata Penguat Bebas
terlalu, paling, agak, begitu	sekali, benar, nian, betul	amat, sangat, sungguh
Contoh ayat: - Pokok di belakang rumah Rahman terlalu rendah. - Masakan ibunya paling sedap. - Lukisan itu agak cantik.	Contoh ayat: - Kelakuan budak-budak itu nakal sekali. - Rumah di atas bukit itu cantik betul. - Pemandangan di situ indah nian.	Contoh ayat: - Pakaian pemuda itu amat kemas. - Pakaian pemuda itu kemas amat. - Sungai itu dalam sangat. - Sungai itu sangat dalam.

1. Frasa Adjektif yang diperluas.

Frasa adjektif yang diikuti oleh frasa sendi apabila diperluas.

Contoh : Saya **gemar** lagu-lagu Melayu Asli. (X)
 Saya **gemar akan** lagu-lagu Melayu Asli. (√)
 Kami **benci** sikapnya itu. (X)
 Kami **benci akan** sikapnya itu. (√)

2. Bentuk Kata Adjektif

- Kata adjektif tunggal** – terdiri daripada satu perkataan. Contohnya : *terang, pendek, gemuk*.
- Kata adjektif terbitan** - kata adjektif yang menerima imbuhan awalan, sisipan, akhiran dan apitan.
- Kata adjektif ganda** – bermaksud makna keadaan sifat yang menyeluruh (*besar-besar, cantik-cantik*.)
- Kata adjektif majmuk** – rangkaian 2 kata dasar atau lebih yang membawa makna tertentu. (*merah jambu, hijau daun*)

3. Kata Adjektif Terbitan

i. Imbuhan Awalan ter-

Awalan ter- pada kata adjektif berfungsi sebagai penjelasan keadaan perbandingan atau keadaan 'paling'.

Contoh:

Ali ialah murid yang terkecil di kelas itu. (*paling kecil*)

Alan ialah murid yang terkacak di kelas itu. (*paling kacak*)

- Apabila kata adjektif sudah berawalan '**ter**' maka **tidak perlu** disertai oleh **kata penguat yang lain**.

Contoh:

Zainal mendapat markah paling terbaik. (X)

Zainal mendapat markah terbaik. (✓)

Ali mendapat markah paling baik. (✓)

- Jika kata adjektif berawalan ter- digunakan, **kata penguat belakang tidak boleh hadir**.

Contoh :

Stadium inilah yang **terbesar sekali**. (X)

Stadium inilah yang **terbesar**. (✓)

ii. Imbuhan Awalan se-

Awalan 'se-' dapat menerbitkan kata adjektif yang berfungsi sebagai memberikan pengertian '**sama dengan**'.

Contoh:

Warna baju itu **semerah** darah. (*sama merah dengan*)

Gadis itu **secantik** bidadari. (*sama cantik dengan*)

Kata adjektif awalan 'se-' membawa makna '**sama dengan**' maka tidak perlu diikuti dengan kata sendi '**dengan**'

Contoh:

Kereta baharunya tidak **secantik dengan** kereta abang saya. (X)

Kereta baharunya tidak **secantik** kereta abang saya. (✓)

iii. Apitan ke-...-an

Apitan ke-...-an dapat menerbitkan kata adjektif yang mendukung makna **menyerupai sifat** atau **sama seperti**. Oleh itu, penggunaan kata 'seperti' sebelum kata adjektif apitan 'ke-...-an' adalah salah.

Contoh:

Matanya **seperti kemerah-merahan** akibat kurang tidur. (X)

Matanya **kemerah-merahan** akibat kurang tidur. (✓)

Pertuturan pemuda itu **seperti kearaban** selepas pulang dari Jordan. (X)

Pertuturan pemuda itu **kearaban** selepas pulang dari Jordan. (✓)

Apabila kata adjektif mengalami penggandaan, maka kata nama ***tidak boleh*** digandakan lagi untuk menunjukkan maksud jamak.

Contoh:

Barang-barang yang dijual di kedai itu **murah-murah** belaka. (X)

Barang yang dijual di kedai itu **murah-murah** belaka. (✓)

Rumus Penggunaan Kata Adjektif dan Kata Penguat.

Rumus		Ayat Contoh
sangat amat + kata adjektif + sekali sungguh	√	Rumah di atas bukit itu sungguh besar sekali .
ter- + kata adjektif	√	Razman merupakan murid yang terpandai di dalam kelasnya.
paling + kata adjektif	√	Bangunan itu paling tinggi di Malaysia.
paling + ter- + kata adjektif	X	Dialah paling tercantik .
paling + kata adjektif + sekali	X	Nora paling ayu sekali .

Darjah Penghabisan

i. **se + kata adjektif + gandaan + kata nama**

Contoh:

- Setinggi-tinggi gunung**, tinggi lagi hasrat kami.
- Sebijak-bijak budak itu**, akhirnya tertipu juga.
- Faridlah **sebaik-baik sahabat** yang pernah saya kenali.

ii. **ter + kata adjektif**

Contoh:

- Aminlah murid yang **terpandai** di dalam kelas ini.
- Liza antara gadis yang **tercantik** di kampung ini.
- Jambatan Pulau Pinang ialah jambatan yang **terpanjang** di Asia.

iii. **paling + kata adjektif**

Contoh:

- Antara adik-beradiknya, Fifulah yang **paling cerdik**.
- Kita mesti mencari jalan penyelesaian yang **paling baik**.
- Menara Berkembar Petronas ialah bangunan yang **paling tinggi** di Malaysia.

iv. **kata adjektif + sekali**

Contoh:

- Perniagaan Encik Sulaiman **maju sekali**.
- Sedap sekali** ayam goreng ini.
- Suasana di dalam dewan ini **meriah sekali**.

v. **ter + amat, sangat + kata adjektif**

Contoh:

- Raja itu **teramat baik** terhadap rakyat baginda.
- P. Ramlee seorang seniman agung yang **teramat masyhur**.
- Kek yang **tersangat lazat** ini pernah saya makan.
- Shamimi **tersangat baik** sehingga kami begitu sayang kepadanya.

a. amat, sungguh, sangat + kata adjektif + sekali

Contoh:

- a. Peserta larian itu ***amat cergas sekali***.
- b. Kain songket di kedai itu ***sungguh halus sekali***.
- c. Suara penyanyi itu ***sangat merdu sekali***.

Kesilapan kata penguat darjah penghabisan.

SALAH	BETUL
paling terbaik sekali	baik sekali
paling terbaik	paling baik
paling tercantik sekali	cantik sekali
paling tercantik	paling cantik
paling termasyhur	paling masyhur
paling masyhur sekali	masyhur sekali
paling terpandai sekali	pandai sekali
terindah sekali	terindah
terpandai sekali	terpandai
tertinggi sekali	tertinggi
terendah sekali	Terendah

TOPIK 7 : KATA KERJA

Kata kerja merupakan salah satu golongan kata yang digunakan untuk *menunjukkan sesuatu perbuatan* atau *keadaan melakukan sesuatu*. Kata kerja terbahagi kepada dua:

- Kata kerja transitif
- Kata kerja tak transitif

KATA KERJA TRANSITIF (KKT)

Kata kerja yang memerlukan **objek** atau **penyambut** yang terdiri daripada **kata nama** untuk melengkapkan maksud ayat.

KKT boleh dikenal pasti dengan imbuhan iaitu:

(minum, makan) – tiada imbuhan

meN-...	-	(mencangkul, menebang, memukul)
meN-...-i	-	(menjalani, menghadiahi, menghadapi)
meN-...-kan	-	(melarikan, memasukkan, menjalankan)
memper-...	-	(memperbesar, mempercantik, mempersuami, memperisteri)
memper-...-kan	-	(mempertingkatkan, mempertunjukkan)
memper-...-i	-	(memper dengari, memperingati)

KKT boleh dipasifkan. Contoh:

Ayat Aktif	Ayat Pasif
Ah Moi sedang membasuh kain di dalam bilik air.	Kain sedang dibasuh oleh Ah Moi di dalam bilik air.
Pekerja-pekerja sedang memperlebar jalan raya.	Jalan raya sedang diperlebar oleh pekerja-pekerja.
Ibu menidurkan adik di dalam kamar.	Adik ditidurkan oleh ibu di dalam kamar.
Kami makan kentang goreng itu.	Kentang goreng itu kami makan .
Tuan Hakim menjatuhi pengedar dadah itu hukuman mati mandatori.	Pengedar dadah itu dijatuhi hukuman mati mandatori oleh Tuan Hakim.

KATA KERJA TAK TRANSITIF (KKTT)

Kata kerja tak transitif (intransitif) ialah kata kerja yang sudah sempurna maknanya dan dapat berdiri sendiri dalam ayat. Oleh itu, KKTT tidak memerlukan objek atau penyambut untuk menyempurnakan maksudnya. KKTT tidak boleh dipasifkan.

KKTT boleh dikenal pasti melalui imbuhan, contohnya adalah seperti yang di bawah ini.

- Tanpa imbuhan (pulang, pergi, duduk, mati, tidur, balik)
- meN-... (mengalir, meletup, menangis, membisu)
- ber-... (berbicara, bercadang, berbincang, berkereta)
- ter-... (terkeluar, terjatuh, terpelosok, tertarik)
- ber-...-an (berguguran, bergandingan, berkibaran, bertaburan)
- ber-...-kan (berselimutkan, bersuamikan, beristerikan, berbantalkan)

KKTT terbahagi kepada dua iaitu;

- KKTT tanpa pelengkap
- KKTT berpelengkap

KKTT Tanpa Pelengkap

Kata kerja yang boleh berdiri sendiri tanpa pelengkap.

Contoh:

Gadis itu asyik **termenung**.

Ayah dan ibu sedang **berbicara**.

Lori yang sarat dengan muatan batu itu **terhumban**.

KKTT di atas boleh diikuti oleh **unsur keterangan** yang berfungsi memberikan keterangan lanjut tentang ayat tersebut.

Contoh:

1. Si Dara itu asyik **termenung** di dalam kamar.

2. Hanif dan Nazimah sedang **berbicara** tentang pilihan raya.

3. Lori yang sarat dengan muatan batu itu **terhumban** ke dalam gaung yang dalam.

KKTT Berpelengkap

Kata kerja yang mesti diikuti oleh **pelengkap** (terdiri daripada kata nama, kata adjektif dan kata sendi nama) untuk menyempurnakan maksud ayat. Unsur pelengkap tidak sama dengan objek atau penyambut kerana objek atau penyambut hadir selepas Kata Kerja Transitif yang boleh mengalami proses pasif. Ayat yang mengandungi pelengkap tidak boleh dipasifkan.

Contoh:

1. Keadaan banjir sudah **beransur** surut.

2. Pasaran saham di Malaysia sudah **bertambah** baik.

3. Pengemis itu tidur **berbantalkan** lengan.

4. Ying Ying bercita-cita untuk **menjadi** arkitek.

5. Cikgu Zakiah **tinggal** di Kepala Batas.

6. Hampir lima tahun Mak Limah **menetap** di kampung ini.

Daripada perbincangan di atas, dapatlah kita rumuskan bahawa KKTT dan KKT mempunyai fungsi yang berbeza. Perbezaan ini dapat dilihat dengan jelas melalui **frasa kerja tak transitif** dan **frasa kerja transitif**.

Struktur Frasa Kerja Tak Transitif

Kata bantu	KKTT	Kata Sendi /adjektif	Kata Nama
sedang	Bekerja	di	pejabat
ingin	Berbincang	tentang	perkara
telah	Terlupa	akan	nama rakannya
sudah	Bertambah	kukuh	-
sudah	Beransur	sembuh	-
telah	Bersuamikan	-	orang kaya
telah	Berpayungkan	-	daun pisang

Struktur Frasa Kerja Transitif

Kata Bantu	KKT	Objek atau Penyambut
telah	Membincangkan	perkara
akan	Memperbesar	rumah
sedang	Menggilap	kasut
hendak	Menunggang	motosikal

Kesalahan-kesalahan Kata Kerja.

1. Penggunaan KKT tanpa imbuhan.
Contoh ayat:
Haji Naseer sedang **pandang** lukisan itu. (X)
Haji Naseer sedang **memandang** lukisan itu. (v)
2. Penggunaan kata sendi nama selepas KKT.
Contoh ayat:
Sharifah **memahami akan** kehendak adiknya. (X)
Sharifah **memahami kehendak** adiknya. (v)
3. Penggunaan Kata Adjektif selepas KKT.
Contoh ayat:
Ahmad telah **menendang kuat-kuat** bola itu. (X)
Ahmad telah **menendang bola** itu kuat-kuat. (v)
4. Penggunaan Kata sendi nama selepas KKT
Contoh ayat:
Cik Min akan **berjumpa** Cikgu Zue. (X)
Cik Min akan **berjumpa dengan** Cikgu Zue. (v)
5. Penggunaan Kata sendi nama selepas KKT berimbuhan ber-...-kan
Contoh ayat:
Penculik itu **bersenjatakan dengan** sebilah pisau. (X)
Penculik itu **bersenjatakan** sebilah pisau. (v)
6. Tidak meletakkan kata sendi nama selepas KKT tanpa imbuhan.
Contoh ayat:
Ayah tidak akan **pulang** rumah tengah hari ini. (X)
Ayah tidak akan **pulang ke** rumah tengah hari ini. (v)

Imbuhan meN-...-kan	Imbuhan meN-...-i
Puan Zu menghidangkan ayam goreng kepada kami.	Puan Zu menghidangi kami ayam goreng.
Sultan Kedah menganugerahkan bintang kehormatan kepada Perdana Menteri.	Sultan Kedah menganugerahi Perdana Menteri bintang kehormatan.
Ketua kampung menghadiahkan basikal kepada murid miskin.	Ketua kampung menghadiahi murid miskin sebuah basikal.

3. Kata kerja meN-...-kan dan meN-...-i dari sudut makna (semantik).

Dari segi **semantik** iaitu makna, perkataan dasar yang bergabung dengan imbuhan meN-...-kan atau meN-...-i juga membawa pengertian **makna yang tidak sama**. Oleh itu, rumus-rumus yang diterangkan di atas tidak boleh digunakan untuk kata dasar yang tidak sama dari segi makna apabila bergabung dengan imbuhan meN-...-kan dan meN-...-i. Contoh perkataan-perkataan itu adalah seperti yang berikut ini.

Kata dasar	Imbuhan apitan: meN-...-kan dan meN-...-i
turun	menurunkan – menuruni
masuk	memasukkan – memasuki
serta	menyertakan – menyertai
kahwin	mengahwinkan – mengahwini
jalan	menjalankan – menjalani
naik	menaikkan – menaiki

Contoh ayat:

Pemandu teksi itu **menurunkan** penumpang di hadapan bangunan itu. (menyuruh penumpang turun)
 Bas yang sarat dengan penumpang itu **menuruni** jalan yang curam itu dengan lajunya. (turun melalui jalan yang curam).

- Ibu **memasukkan** garam secukup rasa ke dalam gulai ayam itu. (*membawa masuk garam, mengisi garam*)
 Siti akan **memasuki** acara lumba lari 100 meter. (*mengambil bahagian dalam acara lumba lari*)
- Bapa **menyertakan** wang tunai bersama-sama dengan surat itu. (*mengirimkan wang tunai bersama-sama, mengembarkan wang tunai bersama-sama*)
 Murid-murid itu akan **menyertai** acara larian maraton di Kuala Lumpur. (*mengikut serta, mengikuti acara larian*).
- Pak Abu hendak **mengahwinkan** anak perempuannya dengan anak orang kaya itu. (*menjadikan anaknya berkahwin*)
 Pak Abu **mengahwini** janda muda itu setelah isterinya meninggal dunia. (*berkahwin dengan janda muda*)
- Para doktor bertungkus lumus **menjalankan** pembedahan itu. (*melaksanakan pembedahan*)
 Pak Hassan telah selamat **menjalani** pembedahan jantung di Institut Jantung Negara. (*mengalami atau melalui pembedahan jantung*).
- Ahli Pengakap itu **menaikkan** bendera Malaysia semasa perhimpunan sekolah. (*menjadikan bendera naik*)
 Beberapa orang murid berebut-rebut untuk **menaiki** bas yang penuh dengan penumpang itu. (*naik bas*)

TOPIK 8 : KATA MAJMUK

Definisi: Proses merangkaikan dua kata dasar atau lebih yang membawa makna yang tertentu.

Bentuk-bentuk kata majmuk:

1. Kata Majmuk yang terdiri daripada rangkai kata bebas.

Contoh:

gambar rajah	kuning langsung
biru laut	jalan raya
luar biasa	merah muda
tengah hari	jam tangan
kapal terbang	nasi minyak
bandar raya	bom tangan
alat tulis	meja tulis
terima kasih	kipas angin

*kategori ini juga termasuk gelaran

Perdana Menteri, Ketua Menteri, Raja Muda, Duta Besar, Naib Canselor, Profesor Madya, Penolong Pendaftar, Setiausaha Politik, Ketua Setiausaha Negara.

2. Kata Majmuk berbentuk istilah khusus.

Contoh;

garis pusat	kertas kerja	cari gali
pita suara	darah panas	reka bentuk
model linear	mata pelajaran	kanta lekap
segi tiga	batu kapur	
atur cara	kemas kini	

3. Kata Majmuk berbentuk kiasan (peribahasa)

Contoh:

kaki ayam	pilih kasih	duit kopi	kaki bangku	makan angin
buah tangan	manis mulut	anak emas	buah hati	berat tangan

Bentuk ejaan kata majmuk yang telah mantap dieja sebagai satu perkataan.

Antarabangsa	kerjasama	suruhanjaya
Beritahu	olahraga	tandatangan
Bumiputera	matahari	tanggungjawab
Jawatankuasa	setiausaha	warganegara
Kakitangan	sukarela	pesuruhjaya

Terdapat juga golongan kata tertentu yang telah lazim dieja bercantum.

Contohnya:

a. Kata nama	peribadi, peribahasa, perikemanusiaan, dinihari, hulubalang
b. Kata adjektif	sukacita, dukacita
c. Kata sendi nama	kepada, daripada
d. Kata hubung	apabila, barangkali, manakala, darihal, apakala, padahal, walhal, kadangkala
e. Kata tanya	bagaimana

Penggandaan Kata Majmuk

Penggandaan kata majmuk melibatkan penggandaan unsur pertama sesuatu kata sahaja.

Contohnya:

Tunggal	Jamak
alat tulis	alat-alat tulis
gambar rajah	gambar-gambar rajah
balai raya	balai-balai raya
kapal terbang	kapal-kapal terbang
Menteri Besar	Menteri-menteri besar
suku kata	suku-suku kata
garis pusat	garis-garis pusat

Penggandaan yang melibatkan bentuk yang telah mantap; penggandaannya melibatkan keseluruhan unsur. Contohnya:

Tunggal	Jamak
pesuruhjaya	pesuruhjaya-pesuruhjaya
warganegara	warganegara-warganegara
tandatangan	tandatangan-tandatangan
jawatankuasa	jawatankuasa-jawatankuasa
setiausaha	setiausaha-setiausaha

Ada dua bentuk ejaan kata majmuk, iaitu ditulis secara ***terpisah dan bercantum***. Pada dasarnya semua kata majmuk ditulis secara terpisah. Ada tiga jenis kata majmuk yang ditulis terpisah.

Kata Majmuk yang terdiri daripada rangkai kata bebas.

Contohnya : guru besar, tengah hari, terima kasih, kapal terbang, Menteri Besar, Setiausaha Politik.

Kata Majmuk yang merupakan istilah khusus.

Contohnya : garis pusat, atur cara, lut sinar, mata pelajaran, kertas kerja, pita suara, reka bentuk.

Kata Majmuk yang membawa maksud simpulan bahasa.

Contohnya: tumbuk rusuk, gulung tikar, anak emas, kaki bangku, ringan tulang.

Selain itu, kata majmuk yang ditulis akan berubah menjadi kata majmuk yang ditulis serangkai apabila menerima apitan, misalnya ***pengenalpastian, disatupadukan, menandatangani, melipatgandakan dan dikuatkuasakan.***

Cara Mengenal Kata Majmuk

Kata majmuk tidak dapat menerima sebarang penyisipan antara perkataan yang membentuk kata majmuk, contohnya:

- *Tandatangan* tidak dapat disisipkan kata **yang** untuk membentuk tanda yang tangan.
- *Urus setia* tidak dapat disisipkan kata **yang** untuk membentuk urus yang setia.
- *Kakitangan* tidak dapat disisipkan **dan** bagi membentuk kaki dan tangan
- *Tanah air* tidak dapat disisipkan **dan** bagi membentuk tanah dan air.

Selain itu, kata majmuk mempunyai makna yang tertentu, yang berbeza daripada kata-kata asal yang membentuk kata majmuk tersebut. Misalnya:

- ***Sapu tangan*** merupakan kata majmuk kerana merujuk kepada kain segi empat dan berlainan daripada makna biasa sapu dan tangan.
- ***Bumiputera*** yang membawa makna tertentu yang terdiri daripada dua kata dasar bumi dan putera.

Golongan Kata Majmuk

Kata majmuk dapat digolongkan kepada golongan yang berikut ini.

Penggolongan Kata Majmuk	Contoh Perkataan
Kata Nama Majmuk	guru besar, balai raya, tapian gelanggang, cakar ayam, bulan madu, Menteri Besar, Naib Canselor, ketua murid, warganegara, ketidakadilan, persuratkhabaran, kebolehpercayaan, tandatangan, warganegara, setiausaha.
Kata Kerja Majmuk	hapus kira, ambil alih, lipat ganda, kenal pasti, terima kasih, gulung tikar, bersatu padu, mereka bentuk, menandatangani, bertanggungjawab, berlatarbelakangkan.
Kata Adjektif Majmuk	merah jambu. Terang hati, kuning langsung, muda remaja, panas terik, sukacita, dukacita.
Kata Tugas Majmuk	bagaimana, apabila, barangkali, kadangkala, walhal, daripada, kepada, mana lagi.

Kesilapan dalam ejaan kata majmuk berganda.

Penggandaan unsur pertama akan dieja terpisah dan penggandaan hanya berlaku pada unsur pertama sahaja.

Surat khabar-surat khabar dijual di kedai itu (X)

Surat-surat khabar dijual di kedai itu. (V)

Ibu bapa-ibu bapa diminta hadir ke sekolah. (X)

Ibu-ibu bapa diminta hadir ke sekolah. (V)

TOPIK 9 : KATA NAFI

- i) Kesilapan penggunaan kata nafi **tidak**.

Kata nafi **tidak** digunakan untuk penafian dalam frasa kerja dan frasa adjektif. Contohnya:

SALAH	BETUL
bukan berjaya	tidak berjaya
bukan bertunang	tidak bertunang
bukan berusaha	tidak berusaha
bukan benar	tidak benar
bukan hidup	tidak hidup
bukan kaya	tidak kaya
bukan kecil	tidak kecil
bukan manis	tidak manis
bukan mati	tidak mati
bukan melanggar	tidak melanggar
bukan membawa	tidak membawa
bukan menangkap	tidak menangkap
bukan mengantuk	tidak mengantuk
bukan miskin	tidak miskin
bukan muda	tidak muda
bukan pandai	tidak pandai
bukan pergi	tidak pergi
bukan rendah	tidak rendah
bukan tinggal	tidak tinggal
bukan tua	tidak tua

- ii) Kesilapan penggunaan kata nafi **bukan**

Kata nafi **bukan** digunakan untuk penafian dalam frasa nama dan frasa sendi nama.

SALAH	BETUL
tidak dari Kuantan	bukan dari Kuantan
tidak di desa	bukan di desa
tidak di Subang	bukan di Subang
tidak doktor	bukan doktor
tidak kakak	bukan kakak
tidak Kassim	bukan Kassim
tidak ke Ipoh	bukan ke Ipoh
tidak kerajaan	bukan kerajaan
tidak ketua kampung	bukan ketua kampung
tidak lembu	bukan lembu
tidak oleh ibu	bukan oleh ibu
tidak pelajar	bukan pelajar
tidak tentang masakan	bukan tentang masakan
tidak tentang Perdana Menteri	bukan tentang Perdana Menteri
tidak untuk kekasih	bukan untuk kekasih
tidak untuk wanita	bukan untuk wanita

TOPIK 10 : KATA PEMERI

Terdapat dua jenis kata pemeris iaitu:

- i. adalah
- ii. ialah

Kata pemeris tidak boleh hadir di hadapan frasa kerja.

KATA PEMERI	MAKSUD	AYAT CONTOH
ialah	- menunjukkan persamaan - hadir di hadapan frasa nama	1. Rumah yang cantik itu ialah rumah En. Mazlan. 2. Emak ialah seorang guru. 3. Agama rasmi Negara ialah agama Islam.
Adalah	- menunjukkan huraian atau keterangan. - Hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi	1. Meja yang dibeli itu adalah daripada kayu jati. 2. Warna kasut abang adalah hitam. 3. Tujuan pertandingan itu diadakan adalah untuk mencungkil bakat baru.

Nota :

1. Pada umumnya, kata pemeris tidak boleh hadir bersama-sama dengan kata nafi.

SALAH	BETUL
Siswazah yang baru lulus itu ialah bukan pengetua maktab. Arahan itu adalah bukan untuk semua pegawai.	Siswazah yang baru lulus itu bukan pengetua maktab. Arahan itu bukan untuk semua pegawai.

2. Kata pemeris boleh wujud dalam binaan kata nafi + frasa adjektif.

Contoh binaan kata nafi + kata adjektif:-

- i. Tidak benar
- ii. Tidak cantik
- iii. Tidak adil

Contoh ayat:

Laporan itu **adalah tidak benar**.

Keputusan itu **adalah tidak adil**.

3. Kata pemeris **TIDAK BOLEH** hadir di **hadapan frasa kerja** atau **kata kerja**. Penggunaan kata pemeris adalah dalam ayat-ayat berikut dianggap menyalahi tatabahasa Bahasa Melayu.

Contoh:-

- i. Adalah diberitahu sekolah akan ditutup esok.

Struktur ayat yang betul ialah:

Dengan ini diberitahu bahawa sekolah akan ditutup esok.

Anda diberitahu bahawa sekolah akan ditutup esok.

Ibu Bapa diberitahu bahawa sekolah akan ditutup esok.

Tuan-tuan diberitahu bahawa sekolah akan ditutup esok.

Dengan hormatnya diberitahu bahawa sekolah akan ditutup esok.

- ii. **Adalah** diisytiharkan bahawa Hari Raya Puasa jatuh pada hari Selasa.
Struktur ayat yang betul ialah:
Dengan ini diisytiharkan bahawa Hari Raya Puasa jatuh pada hari Selasa.
- iii. Kegagalan projek itu **adalah** disebabkan oleh kecuaiian pihak pengurusan syarikat itu.
Struktur ayat yang betul ialah:-
Kegagalan projek itu disebabkan oleh kecuaiian pihak pengurusan syarikat itu.

TOPIK 11 : KATA PERINTAH

1. Kata perintah ialah ayat yang diucapkan dengan tujuan menimbulkan gerak balas yang berupa tindakan. Ayat perintah berfungsi sebagai ayat yang bermaksud suruhan, permintaan, silaan ataupun larangan.
2. Contoh kata perintah:
 - a. Suruhan – tolong
 - b. Permintaan – minta, harap
 - c. Silaan – sila, jemput
 - d. Larangan – jangan, usah.
3. Contoh penggunaan kata perintah dalam ayat:
 - a. **Tolong** kembalikan buku cerita saya.
 - b. **Minta** semua peserta bersedia.
 - c. **Harap** saudara faham masalah saya.
 - d. **Sila** masuk.
 - e. **Jemput** makan.
 - f. **Jangan** berdiri di situ.
 - g. **Usah** kamu fikirkan kisah yang sudah berlalu.
4. Kesilapan
 - 4.1 penggabungan kata perintah.
 - a. **Sila jangan** merokok di kawasan ini. (X)
 - b. **Tolong jangan** bising di dalam perpustakaan. (X)
 - c. **Harap jangan** memijak rumput ini. (X)
 - d. **Jangan** merokok di kawasan ini. (✓)
 - e. **Jangan** bising di dalam perpustakaan. (✓)
 - f. **Jangan** memijak rumput ini. (✓)

*Imbuhan meN- pada kata kerja transitif harus digugurkan dalam ayat perintah.
*Imbuhan awalan kata kerja tak transitif harus dikekalkan dalam ayat perintah.

TOPIK 12 : KATA PARTIKEL

Kata partikel atau kata penegas berfungsi untuk memberikan penekanan kepada frasa predikat atau bahagian-bahagiannya.

-lah, -tah, dan -kah

Penggunaan kata penegas dalam ayat.

Dalam bahasa bertulis, unsur yang ditegaskan atau difokuskan dalam sesuatu ayat harus dikedepankan.

SALAH	BETUL
Mereka datang bilakah?	Bilakah mereka datang?
Anaknya pintarkah?	Pintarkah anaknya?
Gerangan gadis itu siapakah?	Siapakah gerangan gadis itu?
Komputer baharuku itulah.	Itulah komputer baharuku.
Kunciku manatah?	Manatah kunciku?
Usaha kita sia-sialah.	Sia-sialah usaha kita.

Penulisan kata penegas pun

Penulisan kata penegas ***pun*** tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya.

SALAH	BETUL
Kakak <pun< p=""> hendak pergi ke bandar.</pun<>	Kakak <u>pun</u> hendak pergi ke bandar.
Saya tidak akan mengaku kalah biar <u>pun</u> keletihan.	Saya tidak akan mengaku kalah biarpun keletihan.

Sudah ditetapkan bahawa tiga belas (13) patah kata seperti yang berikut ini perlu ditulis serangkai (dicantumkan) dengan kata partikel pun, iaitu:

adapun	andaipun	ataupun	bagaimanapun
biarpun	kalaupun	kendatipun	lagipun
mahupun	meskipun	sekalipun	sungguhpun
walaupun			

Kata penegas pun ditulis terpisah daripada perkataan yang mendahuluinya jika pun bermaksud:

- a) juga - Adik pun ingin pergi ke pasar.
- b) bahkan - Berjalan pun dia tidak boleh, apatah lagi berlari.
- c) biar - Betapa sukar pun projek itu, dia tetap akan meneruskannya.
- d) menguatkan pokok ayat - Tidak ada seorang pun calon yang gagal dalam peperiksaan itu.
- e) turutan - Selepas itu, pasukan polis pun bertindak.
- f) Penguat kata ganti tak tentu - Sesiapa pun boleh masuk.

Contoh kata penegas lain:

jua, juga, sahaja, lagi, memang dan hanya.

Selain itu, terdapat kata penegas yang bebas dari segi kehadirannya dalam ayat.

Contoh:

Adik **juga ingin** pergi ke Sabah.

Adik **ingin juga** pergi ke Sabah.

TOPIK 13 : AYAT TUNGGAL

Ayat tunggal ialah ayat yang mengandungi satu subjek dan satu predikat. Ayat tunggal terbina dalam berbagai-bagai jenis ayat sama ada ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, dan ayat seruan.

Pembentukan ayat tunggal boleh terbina daripada subjek dan predikat yang terdiri daripada FN, FK, FA dan FS.

SUBJEK DALAM AYAT TUNGGAL.

(a) Frasa nama sebagai subjek.

- i. Tan Kong Joo pelajar sekolah.
- ii. Buah itu masam.
- iii. Ibunya sakit.
- iv. Motosikalnya telah rosak.
- v. Balai raya ini untuk orang ramai.

(b) Kata ganti nama diri sebagai subjek.

- i. Dia anak bongsu.
- ii. Beliau guru saya.
- iii. Dia adik Ragunathan.
- iv. *Itu Bank Rakyat.
- v. *Ini stesen bas.

(*rujuk kepada Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, halaman 102)

Namun demikian, dalam penulisan karangan, murid tidak digalakkan memulakan ayat dengan kata ganti nama tunjuk.

(c) Kata kerja sebagai subjek.

- i. Membaca buku ialah hobinya.
- ii. Bersenam dapat menyihatkan badan.
- iii. Menyanyi ialah kerjayanya.
- iv. Mencuri perbuatan yang salah.
- v. Minum air boleh menghilangkan dahaga.

(d) Kata adjektif sebagai subjek.

- i. Cergas bermakna badan sihat.
- ii. Hijau warna kesukaannya.
- iii. Harum bau bunga melur itu.
- iv. Tamak ialah amalan yang keji.

PREDIKAT DALAM AYAT TUNGGAL.

- (a) Frasa nama sebagai predikat
 - i. Encik Zulkifli pegawai polis.
 - ii. Kakaknya doktor mata.
 - iii. Bangunan itu kediamannya.
 - iv. Bilik itu stor barang.

- (b) Frasa kerja sebagai predikat
 - i. Dia makan mi goreng.
 - ii. Anjing itu menyalak musuh.
 - iii. Mereka tidur.
 - iv. Adiknya menangis.

- (c) Frasa adjektif sebagai predikat
 - i. Keropok ini sangat rangup.
 - ii. Rumah itu sangat besar.
 - iii. Abangnya sangat bijak.
 - iv. Budak itu baik sungguh.

- (d) Frasa sendi nama sebagai predikat.
 - i. Buku ini untuk adik.
 - ii. Ayah ke Kuala Lumpur.
 - iii. Beliau dari Universiti Sains Malaysia.
 - iv. Wajahnya seperti bintang terkenal itu.

TOPIK 14 : SUSUNAN AYAT SONGSANG

Susunan biasa ayat dalam bahasa Melayu ialah *subjek + predikat*. Ayat songsang pula terbentuk daripada proses transformasi ayat biasa. (subjek + predikat) . Penyongsangan dapat dilakukan melalui proses pendepanan bertujuan memberikan penegasan kepada predikat.

Pendepanan seluruh predikat.

Cikgu Hanif / berfikiran kreatif. (susunan biasa)

Berfikiran kreatif / Cikgu Hanif. (susunan songsang)

Proses pendepanan berlaku juga pada ayat yang mengandungi kata penegas. (-lah, -tah, dan -kah)

Ibu saya / dia. (susunan biasa – **ibu saya** sebagai subjek)

Dialah / ibu saya. (susunan songsang)

Dia / ibu saya. (X = dari segi susunan ayat songsang. Ayat ini gramatis dalam ayat susunan biasa tetapi subjeknya '**Dia**'))

Pendepanan sebahagian daripada predikat.

(a) Pendepanan Frasa Kerja

i. Pendepanan kata kerja:

Ramli *bekerja setiap hari*. (susunan biasa)

Bekerja setiap hari Ramli. (susunan songsang)

ii. Pendepanan frasa kerja dengan objek.

Zaleha *membaca buku*. (susunan biasa)

Membaca buku Zaleha. (susunan songsang)

iii. Pendepanan kata kerja dengan kata bantu.

Murid-murid itu *masih makan*. (susunan biasa)

Masih makan murid-murid itu. (susunan songsang)

b) Pendepanan Frasa Adjektif

i. Pendepanan kata adjektif sahaja.

Ramli *rajin*. (susunan biasa)

Rajin Ramli. (susunan songsang)

ii. Pendepanan kata adjektif dengan kata bantu.

Rumah Kak Zue *masih teguh*. (susunan biasa)

Masih teguh rumah Kak Zue. (susunan songsang)

iii. Pendepanan kata adjektif dengan kata penguat.

Encik Zaidi *sangat segak*. (susunan biasa)

Sangat segak Encik Zaidi. (susunan songsang)

iv. Pendepanan kata adjektif, kata bantu dengan kata penguat

Haji Nasser *masih segak amat*. (susunan biasa)

Masih segak amat haji Nasser. (susunan songsang)

c) Pendepanan Frasa Sendi Nama

- i. Frasa sendi nama sebagai predikat.
Rantai emas itu *untuk ibu*. (susunan biasa)
Untuk ibu rantai emas itu. (susunan songsang)
- ii. Frasa sendi nama sebagai keterangan dalam predikat.
Penonton-penonton merempuh masuk *ke dalam dewan*. (susunan biasa)
Ke dalam dewan penonton-penonton merempuh masuk. (susunan songsang)

FORMULA AYAT SONGSANG.

Ayat biasa:

Dia / membeli buku di kedai itu.

Cara Songsangan Ayat:

Nomborkan penggalan ayat.

1	2		3
Dia	membeli	buku	di kedai itu.
KGND - Ketiga	Frasa Kerja Transitif	Objek	Frasa Keterangan
Subjek	Predikat		

FORMULA:

Ayat Biasa : 1+2+3

Ayat songsang:

- i. 2+3+1
- ii. 2+1+3
- iii. 3+1+2
- iv. 3+2+1

Ayat Biasa:

1	2	3
Dia	membeli buku	di kedai itu.

Contoh ayat songsang (i)

2	3	1
Membeli buku	di kedai itu	dia

Contoh ayat songsang (ii)

2	1	3
Membeli buku	dia	di kedai itu

Contoh ayat songsang (iii)

3	1	2
Di kedai itu	dia	membeli buku

Contoh ayat songsang (iv)

3	2	1
Di kedai itu	membeli buku	dia

TOPIK 15 : AYAT PASIF

Ayat pasif terbentuk apabila **objek** dalam ayat pasif transitif bertugas sebagai **subjek**, contohnya seperti ayat di bawah ini.

Saya sudah melaksanakan **kerja itu** semalam. (Ayat aktif= pelaku sebagai subjek)
Objek

Kerja itu sudah saya laksanakan semalam. (Ayat Pasif=objek sebagai subjek)
Subjek

Jenis-jenis Ayat Pasif

Terbahagi kepada:

1. Ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama dan kedua.
2. Ayat pasif dengan kata ganti diri ketiga.
3. Ayat pasif berimbuhan 'ber...- dan 'ke-...-an'
4. Ayat pasif berimbuhan 'ter-...'
5. Ayat pasif dengan perkataan 'kena' yang hadir sebelum kata kerja.

1. Ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama dan kedua.

Kata ganti nama orang pertama dan kedua tidak boleh menerima kata kerja pasif berimbuhan 'di-'. Oleh itu, kata ganti nama diri orang pertama (aku, saya, kami, kita, patik, hamba) dan kata ganti nama orang kedua (anda, awak, engkau, kamu, kalian) haruslah berada di hadapan kata kerja (tanpa imbuhan 'di').

Contoh:

Kerja itu sudah **saya laksanakan** semalam (V) – ayat pasif
Kerja itu sudah dilaksanakan oleh saya semalam. (X)
(Saya sudah melaksanakan kerja itu semalam. – ayat aktif transitif)

Rumah itu telah **kami cat** bersama-sama. (V)
Rumah itu telah dicat oleh kami bersama-sama. (X)
(Kami telah mengecat rumah itu bersama-sama. – ayat aktif transitif)

Cerita seram itu telah **kalian dengar**. (V)
Cerita seram itu telah didengar oleh kalian. (X)
(Kalian telah mendengar cerita seram itu. – ayat aktif transitif)

Hutang itu mesti **engkau jelaskan** esok. (V)
Hutang itu mesti dijelaskan oleh engkau esok. (X)
(Engkau mesti menjelaskan hutang itu esok.- ayat aktif transitif)

***Walau bagaimanapun, kata kerja berimbuhan 'ter' boleh menerima kata sendi 'oleh' yang diikuti kata ganti nama diri pertama dan kata ganti nama diri kedua.** Contohnya seperti ayat di bawah ini.

Meja yang besar itu **terangkat oleh saya**. (V)

Nota:

Ayat pasif dengan **kata ganti nama diri pertama** dan **kata ganti nama diri kedua** mesti ditulis **bersebelahan dengan kata kerja pasif tanpa imbuhan awalan 'di'** (hukum aneksi persona). Kesalahan berlaku jika kata-kata lain seperti kata bantu (telah, perlu, sudah, akan dll.) disisipkan antara pelaku dengan kata kerja pasif.

Contoh:

Kereta itu awak harus pandu. (X)

Kereta itu harus awak pandu. (V)

Kerja itu kami sedang siapkan. (X)

Kerja itu sedang kami siapkan. (V)

Tuan Pengetua saya akan temui esok. (X)

Tuan Pengetua akan saya temui esok. (V)

2. Ayat pasif dengan kata ganti nama diri ketiga (termasuk pelaku = kata nama khas dan kata nama am).

Kata kerjanya mengandungi imbuhan kata kerjapassif 'di-'

Contoh:

Motosikal itu telah ditunggang oleh **Rahim** kelmarin. (V)

Motosikal itu telah Rahim tunggang kelmarin. (X)

Kerusi dan meja itu sudah disusun oleh **murid kelas 3A** pagi tadi. (V)

Kerusi dan meja itu sudah murid kelas 3A susun pagi tadi. (X)

Bola itu ditendang oleh **Helmi** dengan kaki kiri. (V)

Bola itu ditendang dengan kaki kiri oleh Helmi. (V)

Bola itu ditendang dengan kaki kiri Helmi. (X)

Bola itu Helmi tendang dengan kaki kiri. (X)

Nota : Kata sendi 'oleh' boleh digugurkan jika tidak menjejaskan makna.

Contoh:

Motosikal itu telah ditunggang Rahim kelmarin. (V)

Kerusi dan meja itu disusun pengawas sekolah pagi tadi. (V)

Perhatian : Jika kata sendi 'oleh' terletak jauh daripada kata kerja, maka 'oleh' tidak boleh digugurkan kerana akan menjejaskan makna ayat.

Contoh:

Motosikal itu telah ditunggang kelmarin oleh Rahim. (V)

Motosikal itu telah ditunggang kelmarin Rahim. (X)

3. Ayat pasif berimbuhan (ber-..., dan ke-...-an)

Contoh:

Baju Raju belum bercuci lagi (belum dicuci).

Kumisnya itu belum bercukur (belum dicukur).

Seluruh dunia kegemparan oleh serangan Amerika itu (ditimpa rasa gempar).

Rumah Pak Abu **kecurian** petang semalam. (ditimpa kejadian curi)
Aminah **kehujan** ketika pulang dari sekolah (ditimpa hujan)

4. Ayat pasif berimbuhan 'ter-...'

- (a) sudah di-
terasing = sudah diasingkan
terhasil = sudah dihasilkan
- (b) keupayaan atau kemampuan
Novel yang tebal itu tidak terbaca oleh **saya**.
Batu yang besar itu tidak terangkat oleh **mereka**.
Gunung Ledang yang terkenal dengan legendanya terdaki oleh **kami**.
- (c) Imbuhan awalan 'ter' yang membawa maksud '**tidak sengaja**' (juga digunakan dalam **ayat aktif transitif**)
terbawa= tidak sengaja membawa / dibawa
tersepak = tidak sengaja menyepak / disepak
tertembak = tidak sengaja menembak / ditembak
Contoh ayat: Pemburu itu **tertembak** rakannya sendiri (ayat aktif transitif)
Rakannya sendiri **tertembak** oleh pemburu itu. (ayat pasif)

5. Ayat pasif dengan perkataan 'kena'.

Ayat pasif jenis ini mengandungi perkataan 'kena' di hadapan kata kerja dasar yang tidak menerima imbuhan awalan.

Contoh:

Anak ahli korporat itu **kena culik**.
Budak nakal itu **kena rotan** oleh bapanya.
Pencuri itu **kena tangkap** oleh polis.
Ah Chong **kena kejar** oleh anjing.

6. Ayat pasif yang mempunyai DUA objek

- Contoh : (1) Upin membelikan **Ipin** **sebatang pembaris** (ayat aktif)
(objek tepat) (objek sipi)
(2) Upin menghadiahi **Ipin** **sebuah buku** (ayat aktif)
(objek tepat) (objek sipi)

Nota: Apabila ayat di atas dipasifkan hanya **objek tepat** sahaja yang bertugas sebagai **subjek** dalam ayat. Jika **objek sipi** yang dibawa ke hadapan (bertugas sebagai subjek) ayat itu dianggap tidak gramatis.

Contoh:

- (1a) Ipin dibelikan sebatang pembaris oleh Upin (✓)
Sebatang pembaris dibelikan kepada Ipin oleh Upin. (X)
(2a) Ipin dihadahi sebuah buku oleh Upin. (✓)
Sebuah buku dihadahi oleh Upin kepada Ipin. (X)

TOPIK 16 : FUNGSI *-nya* DALAM AYAT

Dalam Tatabahasa Dewan (1993), *-nya* merupakan kata ganti nama diri orang ketiga yang diletakkan pada akhir kata sahaja. Ganti nama diri ketiga, *-nya* digunakan apabila kita tidak mahu menyebut nama orang yang kita bercakap tentangnya sekali atau berulang-ulang kali. Sebagai contoh:

1. Saya amat simpati akan **dirinya**.
(Saya sangat simpati akan Aina.)
2. Saya memarahi Ahmad kerana dia telah memecahkan **pasunya** yang mahal itu.
(Saya memarahi Ahmad kerana dia telah memecahkan pasu dia yang mahal itu.)

Fungsi *-nya* juga dapat digantikan dengan **dia** atau **beliau**. Sebagai contoh:

3. Hantar beg itu kepadanya.
(Hantar beg itu kepada dia/beliau.)
4. Doktor Aliff telah menghantar surat peletakan jawatan kepada **majikannya**.
(Doktor Aliff telah menghantar surat peletakan jawatan kepada majikan beliau.)

Penggunaan *-nya* yang merujuk kepada Tuhan, ditulis dengan huruf besar dan didahului oleh tanda sempang (-). Penggunaannya terdapat dalam doa, seperti;

5. "Hanya kepada-Nya tempat aku mengadu dan bermohon."

Fungsi *-nya* sebagai kata tugas dalam Tatabahasa Dewan terdiri daripada kata penekan dan kata pembenda. *-nya* sebagai kata penekan memberikan penegasan kepada kata yang bergabung dengannya. *-nya* jenis ini juga digolongkan sebagai *-nya* penegas. Misalnya:

6. **Sesungguhnya**, budak itu telah difitnah sebelum ini.
7. Pokok kelapa itu **nampaknya** akan tumbang.
8. **Bahawasanya**, tuntutan saman itu perlu diteruskan bagi membersihkan nama baik kita.

Kata pembenda menurut Tatabahasa Dewan ialah bentuk kata yang menjadikan sesuatu perkataan yang bukan daripada kata nama sebagai kata nama. Sebagai contoh *-nya* sebagai kata pembenda yang hadir pada akhir kata sifat itu mengubah kata sifat itu menjadi kata nama.

Contohnya:

9. Bukan kepalang **rindunya** kepadaku.
10. Dia menolak batang kelapa itu dengan **kuatnya**.

Fungsi *-nya* pada akhir kata nama membawa makna milik. Contohnya:

11. Kunci **keretanya** telah hilang.
12. Rumah di atas puncak bukit itu **rumahnya**.

Penggunaan *-nya* dalam ayat berfungsi sebagai objek kata kerja transitif.

13. Lebai Musa telah **menutupnya** dengan papan.
14. Moin telah **mengecatnya** setelah didesak oleh ibunya.
15. Halim **menumbuknya** beberapa kali.

Perkataan *-nya* juga digunakan untuk merujuk kepada perkataan atau perkara yang dinyatakan sebelumnya. *Pada mulanya, Ahmad hanya mengharapkan dia lulus sahaja dalam peperiksaan itu. Namun, harapannya bertukar apabila melihat abangnya telah memperoleh ijazah kelas pertama.*

Fungsi *-nya* dapat pula merujuk kepada penyertaan. *-nya* membawa makna 'berserta' atau 'bersama-sama'.

16. Siapakah yang belajar **dengannya** semalam.

17. Ridzuan sedang bergurau **dengannya** di depan rumah.

-nya juga menunjukkan manfaat. Ada pihak lain yang mendapat manfaat daripada sesuatu perbuatan.

18. Sudin menghadiahkan jam tangan yang mahal **kepadanya**.

19. Ibu memasak bubur untuk **tetamunya**.

Penanda wacana juga menggunakan *-nya*.

20. Kita mestilah berfikir semasak-masaknya apabila membuat pilihan. **Seandainya**, kita salah membuat pilihan, maka musnahlah impian kita.

21. **Kesimpulannya**, semua pihak perlulah bekerjasama untuk menjayakan wawasan negara.

Kesilapan dalam penggunaan -nya.

1. Kata ganti diri ketiga **ia** dan **nya** tidak boleh digabungkan menjadi '**ianya**'.

Contoh:

a. Penagihan dadah dalam kalangan pelajar perlu dibanteras segera kerana bimbang **ianya** akan menular. (X)

b. Penagihan dadah dalam kalangan pelajar perlu dibanteras segera kerana bimbang perbuatan itu akan menular. (V)

2. Ayat yang hendak dipasifkan, bentuk **-nya harus digantikan dengan kata atau frasa nama yang utuh**. Binaan ayat tidak dapat diterima, jika *-nya* tidak digantikan. Rujuki ayat 22 dan 24 di bawah ini.

22. Nya telah ditutup oleh Lebai Musa dengan papan (X)

23. Lubang telah ditutup oleh Lebai Musa dengan papan. (V)

24. Nya telah dicat oleh Moin setelah didesak oleh ibunya. (X)

25. Bilik telah dicat oleh Moin setelah didesak oleh ibunya. (V)

26. Nya ditumbuk oleh Halim beberapa kali. (X)

27. Ahmad ditumbuk oleh Halim beberapa kali. (V)

TOPIK 17 : KESALAHAN STRUKTUR AYAT

1. Ayat Gabungan

Ayat gabungan terbentuk daripada dua atau beberapa ayat tunggal yang dihubungkan dengan kata hubung.

Contoh:

Nani dan Nora ke perpustakaan.

Nurul bukan saja pandai tetapi juga pemurah.

Kesalahan dalam pembentukan ayat gabungan berlaku apabila ayat-ayat tunggal yang membentuk ayat gabungan tidak digabungkan dengan betul.

Contoh:

SALAH	BETUL
1. Mereka akan melancong ke Pulau Tioman atau Pulau Langkawi?	1. Mereka akan melancong ke Pulau Tioman atau ke Pulau Langkawi?
2. Saya tidak pasti sama ada Nora tinggal di Jelutong atau Sg. Ara.	2. Saya tidak pasti sama ada Nora tinggal di Jelutong atau di Sg. Ara.
3. Baik yang kaya atau miskin semuanya mampu berjaya.	3. Baik yang kaya atau yang miskin semuanya mampu berjaya.
4. Hadiah ini untuk Mira bukan Mirza.	4. Hadiah ini untuk Mira bukan untuk Mirza.
5. Jangankan membeli kereta, motosikal pun saya tidak mampu.	5. Jangankan membeli kereta, membeli motosikal pun saya tidak mampu.

2. Ayat Pancangan

Ayat pancangan ialah ayat yang berasal daripada dua ayat tunggal yang salah satunya dipancarkan pada ayat yang satu lagi.

Contoh:

a. Kereta Pak Dollah itu terbabas.

Contohnya:

Ayat (a) terbit daripada dua ayat, iaitu:

i. Kereta itu terbabas.

ii. Kereta itu kereta Pak Dollah.

b. Walaupun miskin, keluarga Mak Bedah bahagia.

Ayat (b) terbit daripada dua ayat yang berikut ini:

i. Keluarga Mak Bedah miskin.

ii. Keluarga Mak Bedah bahagia.

Kesalahan dalam pembentukan ayat pancangan berlaku apabila unsur penerang dalam ayat tersebut salah strukturnya.

Contohnya:

SALAH	BETUL
1. Rumah itu di atas bukit tidak ada penghuninya.	1. Rumah di atas bukit itu tidak ada penghuninya.
2. Bangunan itu yang tinggi ialah Menara Kuala Lumpur.	2. Bangunan yang tinggi itu ialah Menara Kuala Lumpur.

Kesalahan dalam pembentukan ayat pancangan berlaku juga kerana tidak ada kata hubung pancangan yang menghubungkan klausa bawahan dengan klausa utama.

Contoh:

SALAH	BETUL
1. Kami berdoa kamu berjaya.	1. Kami berdoa agar kamu berjaya.
2. Semua orang tahu dia anak Dato' Zain.	2. Semua orang tahu bahawa dia anak Dato' Zain.

3. Ayat Tergantung

Ayat mesti terdiri daripada subjek dan predikat.

Dalam susunan ayat biasa, letak subjek di depan dan letak predikat di belakang.

Contoh: Budak itu / menangis.
Farhana / jatuh ke dalam longkang.

Dalam susunan ayat songsang, letak subjek di belakang dan predikat di depan.

Contoh: Siapakah / gadis itu.
Itulah / teman saya.

Bentuk ujaran yang tidak mempunyai subjek atau predikat disebut sebagai 'ayat tergantung'.

SALAH	BETUL
1. Di seluruh negara dilanda banjir.	1. Seluruh negara dilanda banjir.
2. Dengan kehadiran tuan akan menyerikan majlis ini.	2. Kehadiran tuan akan menyerikan majlis ini.
3. Banyak pelajar lelaki yang lulus dengan baik.	3. Banyak pelajar lelakilah yang lulus dengan baik.
4. Ada pihak membangkang cadangan itu.	4. Ada pihak yang membangkang cadangan itu.
5. Dia yang datang kelmarin.	5. Dia datang kelmarin.
6. Mengetahui hal itu saya membatalkan rancangan.	6. Setelah mengetahui hal itu, saya membatalkan rancangan.
7. Kesan kemelesetan ekonomi pengangguran meningkat.	7. Sebagai kesan kemelesetan ekonomi, pengangguran meningkat.
8. Turut menghadiri majlis itu ialah Menteri Pelajaran.	8. Yang turut menghadiri majlis itu ialah Menteri Pelajaran.
9. Apakah perlu kita lakukan sekarang?	9. Apakah yang perlu kita lakukan sekarang?
10. Siapa kata saya berbohong?	10. Siapakah yang mengatakan saya berbohong?
11. Peserta-peserta lulus saja akan dipilih.	11. Peserta-peserta yang lulus sajalah yang akan dipilih.
12. Daripada bukti-bukti ini jelas menunjukkan bahawa dia bersalah.	12. Bukti-bukti ini jelas menunjukkan bahawa dia bersalah.
13. Mengikut beliau menyatakan bahawa perompak bersenjata api sudah itu tumpas.	13. Beliau mengatakan bahawa perompak bersenjata api itu sudah tumpas.
14. Yang manakah betul?	14. Yang manakah yang betul?
15. Butiran mesyuarat adalah seperti berikut.	15. Butiran mesyuarat adalah seperti yang berikut.

5. Ayat yang Tidak Betul Susunannya

Apabila kata-kata tidak betul susunannya, maka bentuk bahasa menjadi salah atau tidak baku.

SALAH	BETUL
Ini hari Azizah tidak datang.	Hari ini Azizah tidak datang.
Buku ini saya tidak mahu membaca.	Saya tidak mahu membaca buku ini.
Yang melukis gambar ini Zainallah.	Yang melukis gambar ini Zainal.
Yang memukul awak siapakah?	Yang memukul awak siapa?
Itu pen dakwat sudah habis.	Pen itu sudah habis dakwat.
Nora dan Nani baik berkawan.	Nora dan Nani berkawan baik.
Majalah itu saya tidak menyimpannya.	Saya tidak menyimpan majalah itu.

TOPIK 18 : KESILAPAN EJAAN (KATA)

SALAH	BETUL	SALAH	BETUL
auto matif	automotif	geraf	graf
audien	audiens	geharu	gaharu
agreget	agregat	hajjah	hajjah
arithmetik	aritmetik	hurmat	hormat
agen (wakil)	ejen (wakil)	ide	idea
ampangan	empangan	idap	hidap
aked	arked	iktizam	iltizam
akitek	arkitek	impot	import
analisa	analisis	injin	enjin
atlit	atlet	inspekter	inspektor
atnik	etnik	insuran	insurans
anggrik	anggerik	Insyaallah / Insya Allah	insya- Allah
baucer	baucar	istihar	isytihar
bistari	bestari	istirehat	istirahat
bowling	boling	isya	isyak
buffet	bufet	justru	justeru
bumiputra	bumiputera	jeket	jaket
buroh	buruh	kampong	kampung
calun	calon	kapitalisma	kapitalisme
cocok (tusuk)	cucuk (tusuk)	katun	kartun
cucuk (sesuai)	cocok (sesuai)	kefeteria	kafeteria
catit	catat	komidi	komedi
cendiawan	cendekiawan	komisyen	komisen
cop	cap (cetak)	kondaktor	konduktor
dasyhat	dahsyat	konsotium	konsortium
dialog	dialog	kontrek	kontrak
definasi	definisi	korum	kuorum
deligasi	delegasi	kaptain	kapten
deraf	draf	karenah (ragam)	kerenah
durhaka	derhaka	kelender	kalendar
efisyen	efisien	keredhaan	keredaaan
ekur	ekor	kerinting	keriting
ehsan	ihsan	kianat	khianat
engzos	ekzos	ko-kurikulum	kokurikulum
ekslusif	eksklusif	kolestrol	kolesterol
ekspot	eksport	komersil	komersial
ekspres	ekspres	komplek	kompleks
emel	e-mel	kontingen	kontinjen
engkar	ingkar	lagenda	legenda
fadhilat	fadilat	lakun	lakon
fax	faks	lapuran	laporan
faksimili	faksimile	lebel	label
Febuari	Februari	lencungan	lencongan
gembeling / gembeleng	gembleng	leukimia	leukemia

SALAH	BETUL		SALAH	BETUL
lojik	logik		protin	protein
losyen	losen		pekej	pakej
letrik	elektrik		pesonal (kakitangan)	personel
lojistik	logistik		petroleum	petroleum
maksima	maksimum		platfom	platform
manafaat	manfaat		profail	profil
masaalah	masalah		profesyenal	profesional
mee	mi		sekala	skala
mekanisma	mekanisme		sekelian	sekalian
mencatit	mencatat		sekim	skim
mengenengahkan	mengetengahkan		sessi	sesi
megenepikan	megetepikan		setor	stor
mengujudkan	mewujudkan		siksa	seksa
mengwujudkan	mewujudkan		silaturrahim	silaturahmi
mentera	mantera		snooker	snuker
merbahaya	berbahaya		stesyen	stesen
minima	minimum		stokin	stoking
munshi	munsyi		sunnah	sunah
nasionalisma	nasionalisme		sabsidi	subsidi
odit	audit		sanwic	sandwic
oditorium	auditorium		selinder	silinder
optima	optimum		skima	skema
organisme	organisma		spesis	spesies
otomatik	automatik		stem	setem
otomobil	automobil		talipon	telefon
pamir	pamer		taugeh (sayuran)	tauge
paspot	pasport		trampil	terampil
patriotisma	patriotisme		tulin	tulen
pehak	pihak		ugama	agama
pelancung	pelancong		usek	usik
pemerosesan	pemprosesan		warong	warung
pemilekan	pemilikan		vokasyenal	vokasional
pengembala	penggembala		yunit	unit
pengemblengan	penggemblengan			
pensil	pensel			
perabut	perabot			
perihatin	prihatin			
perlaburan	pelaburan			
perlancaran	pelancaran			
perletakan	peletakan			
pertunjukkan	pertunjukan			
pesaraan	persaraan			
pesiaran	persiaran			
plan	pelan			
profession	profesion			
prosidur	prosedur			

TOPIK 19 : KESILAPAN EJAAN (KATA MAJMUK)

SALAH	BETUL	SALAH	BETUL
acapkali	acap kali	lalulintas	lalu lintas
ada pun	adapun	latarbelakang	latar belakang
adakala	ada kala	lebuhraya	lebuhraya
andai pun	andaipun	lagi pun	lagipun
andaikata	andai kata	mana pun	manapun
apa kala	apakala	mana kala	manakala
apa tah	apatah	merekapun	mereka pun
atau pun	ataupun	meski pun	meskipun
Aidil-fitri	Aidilfitri	olah raga	olahraga
aturcara	atur cara	papantanda	papan tanda
ambilalih	ambil alih	penguatkuasa	penguat kuasa
barang kali	barangkali	pengubahmilik	pengubah milik
begitupun	begitu pun	pilihanraya	pilihan raya
belumpun	belum pun	pasaraya	pasar raya
biar pun	biarpun	rekabentuk	reka bentuk
baikpulih	baik pulih	rekabina	reka bina
bandaraya	bandar raya	ruangniaga	ruang niaga
cendera mata	cenderamata	samada	sama ada
cahayamata	cahaya mata	sebutharga	sebut harga
campurtangan	campur tangan	sediada	sedia ada
empatbelas	empat belas	segitiga	segi tiga
gambarajah	gambar rajah	sekaligus	sekali gus
gantirugi	ganti rugi	senireka	seni reka
garispanduan	garis panduan	suratcara	surat cara
gunatanah	guna tanah	suratkhabar	surat khabar
hakmilik	hak milik	susunatur	susun atur
hapuskira	hapus kira	susutnilai	susut nilai
ibubapa	ibu bapa	sediakala	sedia kala
ibupejabat	ibu pejabat	selangseli	selang seli
ibusawat	ibu sawat	seringkali	sering kali
isipadu	isi padu	sesungguh-nya	sesungguhnya
inipun	ini pun	siapa-tah	siapatah
janakuasa	jana kuasa	sudahpun	sudah pun
jasabaik	jasa baik	sungguh pun	sungguhpun
jawatan kuasa	jawatankuasa	temubual	temu bual
jiwa-mu	jiwamu	temuduga	temu duga
jualbeli	jual beli	tengahari	tengah hari
kawalselia	kawal selia	tuanpunya	tuan punya
kadang kala	kadangkala	tukarsyarat	tukar syarat
kemaskini	kemas kini	telahpun	telah pun
kerapkali	kerap kali	ulangtahun	ulang tahun
keretapi	kereta api	urusetia	urus setia
kerja sama	kerjasama	usahasama	usaha sama
kerjatanah	kerja tanah	walaupun	walaupun
kertaskerja	kertas kerja	walaupun	walaupun
kuatkuasa	kuat kuasa	walaupun	walaupun

TOPIK 20 : KESILAPAN EJAAN (KATA PINJAMAN)

Imbuhan Pinjaman

- imbuhan yang dipinjam daripada imbuhan Sanskrit, imbuhan Arab, dan imbuhan Inggeris.
- boleh diterima pakai sebagai imbuhan pinjaman dalam bahasa Melayu baku.

Contoh imbuhan pinjaman:

Imbuhan Inggeris:

Awalan

Imbuhan	Makna	Contoh
anti-	menentang / benci	antidadah antikomunis anti-Amerika
auto-	dengan sendiri	automatik autonomi automobil
poli-	banyak	poligami poliklinik politeknik
pro-	menyokong / menyebelahi	prokerajaan probarat pro-Malaysia
sub-	sebahagian daripada	subtajuk subbidang subsistem
supra-	melebihi / merentasi	supranasional suprakelas
pasca-	selepas	pascakemerdekaan pascakolonial pascamajlis

Akhiran

Imbuhan	Makna	Contoh
-is	orang yang melakukan	cerpenis kartunis ekonomis
-isme	kepercayaan / ajaran / fahaman seseorang	kapitalisme komunisme nasionalisme
-logi	bidang ilmu	antologi psikologi morfologi
-grafi	bidang ilmu / bidang seni	geografi kaligrafi biografi

***Catatan**

- jika kata imbuhan pinjaman diimbuhkan dengan kata nama khas, tanda sempang (-) mesti diletakkan antara imbuhan dengan kata nama khas tersebut.

Contoh : pro-Malaysia, anti-Israel

Imbuhan Sanskrit

Awalan

Imbuhan	Makna	Contoh
dasa-	sepuluh	dasawarsa
dwi-	dua	dwibahasa dwimusim dwicara
eka-	satu	ekabahasa ekafungsi ekatujuan
juru-	orang yang pakar / mahir dalam sesuatu bidang	juruhebah jurubahasa juruterbang
maha-	agung / besar	mahaguru maharaja mahasiswa
panca-	lima	pancaragam pancawarna pancaindera
pra-	sebelum	prakata prasangka prasyarat
tata-	peraturan / sistem	tatabahasa tatatertib tatadunia

Akhiran

Imbuhan	Makna	Contoh
-ita	wanita / perempuan	biduanita posnita
-man	orang yang memiliki sifat / kepakaran dalam sesuatu bidang	seniman budiman
-wan	orang yang - pakar dalam sesuatu bidang - melakukan sesuatu perbuatan - memiliki sesuatu sifat - memiliki sesuatu	jutawan wartawan jelitawan ilmuwan angkasawan
-wati	wanita yang mahir dalam sesuatu bidang pekerjaan	peragawati seniwati angkasawati

*catatan

- -wan [diimbuhkan dengan kata dasar yang berakhir dengan huruf-huruf lain]
- -man [diimbuhkan dengan kata dasar yang berakhir dengan huruf 'i']

Imbuhan Arab –Parsi

Awalan

Imbuhan	Makna	Contoh
bi-	tidak	biadab bilazim binormal

Akhiran

Imbuhan	Makna	Contoh
-ah	orang perempuan / wanita	ustazah qariah
-at	orang perempuan / wanita	muslimat hadirat
-iah	hal yang ada perkaitan dengan sifat	ilmiah jasmaniah alamiah
-in	orang lelaki	hadirin muslimin musyrikin

*catatan

- -wi [untuk kata dasar yang berakhir dengan huruf vokal]
- -in [untuk kata dasar yang berakhir dengan huruf konsonan]

SALAH	BETUL
anti agama	antiagama
anti dadah	antidadah
anti Israel	anti-Israel
anti kapal selam	antikapal selam
anti komunis	antikomunis
anti nuklear	antinuklear
anti perang	antiperang
anti sosial	antisosial
anti-aparteid	antiaparteid
anti jenayah	antijenayah
dwi bahasa	dwibahasa
dwi budaya	dwibudaya
dwi bulanan	dwibulanan
dwi cara	dwicara
dwi fokus	dwifokus
dwi fungsi	dwifungsi
dwi tahunan	dwitahunan
eka bahasa	ekabahasa
eka fungsi	ekafungsi
eka suku kata	ekasuku kata
eka warna	ekawarna
pasca ijazah	pascaijazah
pasca merdeka	pascamerdeka
pasca modenisme	pascamodenisme
pra kata	prakata
pra Olimpik	pra-Olimpik
pra sejarah	prasejarah
pra-moden	pramoden
pra-sekolah	prasekolah
pra-syarat	prasyarat
pro aktif	proaktif
pro Barat	pro-Barat
pro kemerdekaan	prokemerdekaan
pro-pembangkang	propembangkang
sub tajuk	subtajuk
sub-judul	subjudul
sub-kelas	subkelas
sub-kontraktor	subkontraktor
sub-seksyen	subseksyen
sub-standard	substandard
tata nama	tatanama
tata susila	tatasusila
tata-tertib	tatatertib

TOPIK 21 : PASANGAN KATA MENGELIRUKAN

1. KATA NAFI : tidak - bukan

- Kedua-duanya ialah kata nafi. Kata nafi ialah perkataan yang menjadi unsur nafi untuk frasa-frasa predikat.

tidak	bukan
Kata nafi tidak ialah unsur nafi bagi frasa kerja dan frasa adjektif .	Kata nafi bukan menjadi unsur nafi frasa nama dan frasa sendi nama .
Bapanya <u>tidak</u> pergi ke pejabat hari ini.	Makanan itu <u>bukan</u> untuk Ali tetapi untuk Aminah.
Kenyataan yang diberinya itu <u>tidak</u> benar.	Projek itu <u>bukan</u> usaha yang saya lakukan.

Nota:

- Kata nafi bukan boleh juga hadir sebelum frasa kerja dan frasa adjektif jika kedua-dua frasa tersebut mendukung maksud **pertentangan maklumat**.
Contoh: Pak Abu bukan kaya sangat tetapi pemurah orangnya.
Dia bukan hendak belajar tetapi hendak bermain sahaja.

2. kerana - sebab

- kerana ialah **kata hubung** manakala sebab ialah **kata nama**.

kerana	sebab
Zainal tidak pergi ke sekolah <u>kerana</u> dia demam campak.	Pihak tertuduh gagal memberikan <u>sebab</u> dia tidak bersalah.

Nota:

Perkataan sebab boleh dijadikan sebagai kata hubung dengan meletakkan perkataan oleh di hadapannya menjadi **oleh sebab**. Perlu diingat bahawa kata hubung kerana yang memang merupakan kata hubung tidak boleh diletakkan perkataan oleh untuk menjadikannya sebagai kata hubung. Oleh itu, frasa **oleh kerana** adalah salah.

Contoh kesalahan ayat:

Abu ditangkap oleh pihak polis sebab mencuri di pasar raya. (X)

Abu ditangkap oleh pihak polis kerana mencuri di pasar raya. (V)

Oleh kerana hujan, kami terpaksa berteduh di bawah pokok itu. (X)

Oleh sebab hujan, kami terpaksa berteduh di bawah pokok itu. (V)

3. dalam - di dalam

dalam	di dalam
Merupakan kata sendi nama yang hadir di hadapan kata nama yang membawa pengertian tempat yang tidak mempunyai ruang atau jarak.	Merupakan kata arah hadir di hadapan kata nama yang merujuk kepada tempat yang mempunyai ruang atau jarak.
1. Kita semua bersetuju dalam hal ini.	1. Banyak pelajar masih berada di dalam kelas itu.
2. Kita harus fasih bertutur dalam bahasa Melayu.	2. Beberapa orang pemburu telah sesat di dalam hutan yang tebal itu.
3. Perkara itu telah dibincangkan dalam mesyuarat yang lalu.	3. Buku-buku itu terletak di dalam meja saya.

Contoh ayat yang salah:

Saya tidak terlibat di dalam urusan perniagaan itu. (X)

Aminah masih berada dalam kelas itu. (X)

4. antara - di antara

antara	di antara
Kata sendi nama yang tidak membawa maksud yang mempunyai ruang dan jarak. Contoh: • Tidak ada perbezaan yang besar antara pendapat saya dengan pendapatnya. • Pelajar itu sedang berbincang antara mereka.	Kata arah yang digunakan untuk maksud arah yang mempunyai ruang dan jarak. Contoh: • Tambak Johor terletak di antara negeri Johor dengan negara Singapura. • Saya dapat menikmati pemandangan yang indah sepanjang perjalanan di antara Pulau Pinang dengan Kelantan.

5. bagi - untuk

- Pada umumnya kata **bagi** dan **untuk** ialah kata sendi nama yang digunakan secara bervariasi antara satu sama lain.
- Asrama itu dibina **untuk** pelajar-pelajar miskin. (✓)
- Asrama itu dibina **bagi** pelajar-pelajar miskin. (✓)

Nota :

Dalam penggunaan untuk menyatakan maksud bahagian yang ditentukan kata **untuk** tidak boleh ditukar ganti dengan kata **bagi**.

Contoh:

- Hadiah itu pemberian khas daripada ibu **untuk** saya. (✓)
- Hadiah itu pemberian khas daripada ibu **bagi** saya. (X)

6. dapat - boleh

dapat	boleh
Kata bantu yang digunakan dalam ayat yang menyatakan maksud ada keupayaan atau berupaya.	Kata bantu yang digunakan dalam ayat yang menyatakan maksud keizinan atau kebenaran.
1. Jalan itu tidak dapat dilalui kerana banjir.	1. Kanak-kanak mahupun orang dewasa tidak boleh berbohong.
2. Saya tidak dapat memenuhi permintaannya yang melampau itu.	2. Ahmad tidak boleh menghadiri majlis itu kerana terpaksa menolong ibunya di rumah.

7. berasa - merasa

Berasa bermakna **mempunyai rasa** manakala **merasa** pula bermakna **menikmati rasa**.
Berasa mesti digunakan di hadapan kata adjektif, manakala **merasa** digunakan di hadapan kata nama.

berasa	merasa
Ahmad berasa kecewa dengan keputusan pertandingan itu.	Ibu ingin merasa kari ayam yang telah dimasak oleh ayah.
Seluruh badan Pak Samad berasa sakit setelah bekerja sehari suntuk.	Bapa saya pernah merasai keperitan hidup pada zaman pemerintahan Jepun.
Gulai ikan itu berasa sangat masin akibat terlebih garam.	Aminah merasai kesakitan yang teruk akibat kemalangan itu.

8. ialah - adalah

ialah	adalah
Kata pemerri yang digunakan di hadapan <u>kata nama</u> .	Kata pemerri yang digunakan di hadapan <u>kata sendi nama</u> dan <u>kata adjektif</u> .
Contoh: Cikgu Nor ialah guru Bahasa Melayu saya. Menara Berkembar Petronas ialah bangunan yang tertinggi di dunia.	Contoh: Langkah kerajaan itu adalah untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik. Anak Puan Aminah adalah sangat comel.

Nota:

Kata pemerri tidak boleh hadir bersama-sama dengan kata nafi.

Contoh:

Siswazah yang baru lulus itu ialah bukan berasal dari Pulau Pinang. (X)

Siswazah yang baru lulus itu bukan berasal dari Pulau Pinang. (v)

Arahan itu adalah bukan untuk semua pegawai. (X)

Arahan itu bukan untuk semua pegawai. (v)

- Kata pemerri boleh wujud dalam binaan kata nafi dan frasa adjektif
Berita yang disebarkan itu adalah tidak benar. (v)
- Kata pemerri tidak boleh hadir di hadapan frasa kerja atau kata kerja.
Adalah dimaklumkan bahawa kerja gotong-royong akan dimulakan esok. (X)
Dengan ini dimaklumkan bahawa kerja gotong-royong akan dimulakan esok. (v)

9. banyak - ramai

banyak	ramai
Kata adjektif yang digunakan untuk menunjukkan bilangan yang lebih daripada satu khasnya untuk manusia, benda dan binatang. Contoh: Banyak pelajar yang tidak datang ke sekolah hari ini kerana banjir. Banyak kanak-kanak suka akan makanan yang manis.	Digunakan untuk menunjukkan suasana dan keadaan meriah, tidak sunyi, bising, dan riuh rendah. Contoh: Suasana majlis hari jadi itu menjadi riuh-rendah apabila ramai orang yang menjerit-jerit. Ramai kanak-kanak yang melompat-lompat semasa menyaksikan persembahan penyanyi itu.

Contoh ayat yang salah:

- **Ramai** pelajar tidak hadir ke sekolah kerana sakit mata. (X)
- **Banyak** pelajar tidak hadir ke sekolah kerana sakit mata. (✓)
- Jennifer Lopez mempunyai **ramai** peminat di Malaysia. (X)
- Jennifer Lopez mempunyai **banyak** peminat di Malaysia. (✓).

15 kata majmuk yang telah mantap

1. Antarabangsa
2. Beritahu
3. Bumiputera
4. Jawatankuasa
5. Kakitangan
6. Olahraga
7. Kerjasama
8. Matahari
9. Setiausaha
10. Sukarela
11. Suruhanjaya
12. Tandatangan
13. Warganegara
14. Pesuruhjaya
15. tanggungjawab

Ayat Aktif dan Ayat Pasif

1. Kedua-dua ayat ini berlainan bentuk stuktur perkataannya tetapi mempunyai maksud sama.
2. Ayat aktif ialah ayat yang menekankan **objek**. Dalam ayat aktif, 'pelaku' terletak di hadapan (sebagai subjek ayat) manakala 'benda yang kena buat' terletak di belakang (sebagai predikat ayat)
3. Ayat aktif ialah ayat yang kata kerja **berawalan** 'meN' , 'men...kan' dan 'men...I'. Contohnya:
(a) Ali sedang memancing ikan. (*Ali ialah pelaku di depan dan ikan ialah benda kena buat*)
4. Ayat pasif menerangkan **benda** atau **orang yang dikenakan perbuatan ke atasnya**. Maksudnya, dalam ayat pasif, 'benda yang kena buat' terletak di hadapan (sebagai subjek ayat) manakala 'pelaku' terletak di belakang (sebagai predikat). Bentuk ayat pasif ialah:

(a) **tidak berawalan** men- dan didahului **kata ganti diri pertama dan kata ganti diri kedua**.
Contohnya:
i. Bola itu saya tendang.
ii. Borang itu perlu anda isi.

(b) **berawalan** di- dan diikuti kata sendi **oleh** serta **kata ganti diri ketiga**.
Contohnya:
i. Baju itu dibasuh oleh kakak.
ii. Meja besar itu ditolak oleh mereka.
5. Ayat pasif terdiri daripada:
(a) **ayat pasif diri pertama**, iaitu ayat yang kata kerjanya tidak berawalan men- dan didahului kata ganti diri pertama seperti aku, kami, kita, saya, dan sebagainya.
(b) **ayat pasif diri kedua**, iaitu ayat yang kata kerjanya tidak berawalan men- dan didahului kata ganti diri kedua seperti awak, anda, kamu, engkau, dan sebagainya.
(c) **ayat pasif diri ketiga**, iaitu ayat yang kata kerjanya berawalan **di-**, diikuti kata sendi **oleh** serta kata ganti diri ketiga seperti ia, dia, beliau, baginda, dan sebagainya.
4. Kedua-dua ayat aktif dan pasif membawa **maksud yang sama** walaupun **bentuknya berbeza**.
Contohnya:

Ayat Aktif	Ayat Pasif Diri Pertama
(a) Saya mencuci kasut sekolah.	(a) Kasut sekolah saya cuci.
(b) Kita menerima keputusan itu.	(b) Keputusan itu kita terima.
(c) Aku akan memetik bunga itu.	(c) Bunga itu akan aku petik.
(d) Kami sudah menyusun jadual itu.	(d) Jadual itu sudah kami susun.

Ayat Aktif	Ayat Pasif Diri Kedua
(a) Anda harus menyiapkan kerja itu.	(a) Kerja itu harus anda siapkan.
(b) Awak mesti menyerahkan surat itu.	(b) Surat itu mesti awak serahkan.
(c) Engkau patut memulangkan duitnya.	(c) Duitnya patut engkau pulangkan.
(d) Kamu perlu membaiki kereta itu.	(d) Kereta itu perlu kamu baiki.

Ayat Aktif	Ayat Pasif Diri Ketiga
(a) Mereka mengecat bangunan.	(a) Bangunan dicat oleh mereka.
(b) Baginda meminta rakyat supaya bersabar.	(b) Rakyat diminta oleh baginda supaya bersabar.
(c) Beliau mengarahkan orang ramai supaya beratur.	(c) Orang ramai diarahkan oleh beliau supaya beratur.
(d) Dia sedang menjahit baju.	(d) Baju sedang dijahit olehnya.